



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU


**AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI**

TAHUN 27 BILANGAN 34

RABU 25HB OGOS, 1982.

رابو 5 ذوالقعدة 1402

PERCHUMA



KEBAWAH D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan ketika bertitah di-Majlis Mengadap di-Daerah Belait.

Seluruh Temburong akan menerima bekalan elektrik

Oleh: Muhaimin Haji Muhammad

BANGAR, Temburong. — Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan telah meluluskan tapak sa-luas 27 ekar di-Kampung Belingos untuk membina jankuasa letrik yang baru, untuk menampung keperluan seluruh penduduk Daerah Temburong.

Buat masa ini Jabatan Perkhidmatan2 Letrik akan memperluaskan bekalan letrik ka-kampung2 di-sepanjang Jalan Batu Apoi dan Labu Estate.

Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Zakaria bin Haji Jeneh menjelaskan demikian ketika menyebarkan ucapan keshukoran ka-hadapan

majlis Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan sempena perayaan Keputeraan Baginda ke-36 tahun di-Istiadat Mengadap dan Mengorniakan Bintang2 Kebesaran Negeri Brunei yang telah berlangsung di-Dewan Kemasyarakatan di-sini pada hari Khamis lalu.

Awang Haji Zakaria berkata di-antara projek Kerajaan yang sedang berjalan sekarang ia-lah membina sa-buah hospital dan sa-buah sekolah menengah yang masing2 bernilai \$15 juta di-mana tapak bagi bangunan2 tersebut telah siap di-laksanakan.

Lihat muka 22

Beberapa projek perkembangan Daerah Belait akan di-laksana

Oleh: Aisah Plee

Pekan Seria dan akan dimulakan pembinaan-nya awal tahun hadapan.

Demikian di-sembahkan oleh Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Puasa bin Tudin ketika menyebarkan ucapan keshukoran di-Istiadat Mengadap Sempena Hari Keputeraan Baginda Yang Dipertuan ke-36 tahun yang berlangsung di-Dewan Kemasyarakatan di-sini Ahad lalu.

KUALA BELAIT. — Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Jabatan2 Kerajaan yang berkenaan telah, sedang dan akan melaksanakan beberapa projek perkembangan bagi kepentingan keselamatan dan kesejahteraan serta meninggikan taraf kehidupan rakyat di-Daerah Belait.

Di-antara projek tersebut ia-lah pembinaan dua buah kompleks bangunan pejabat2 Kerajaan, yang masing2 di-tempatkan di-Pekan Kuala Belait dan

TANPA KESTABILAN EKONOMI DAN KESELAMATAN:

PEMBANGUNAN TIDAK AKAN TERCHAPAI

Oleh: MANAF H.A.R.

PROJEK2 pembangunan yang sedang pesat berjalan di-Negeri Brunei ini tidak akan mencapai matalamat-nya seperti yang di-chita2kan sekira-nya kestabilan ekonomi serta keamanan dan ketenteraman tidak di-penuhi.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan telah bertitah demikian di-Istiadat Mengadap dan Mengorniakan Bintang2 dan Pingat2 sempena Hari Keputeraan Baginda bagi Daerah2 Tutong, Temburong dan Belait pada minggu lalu.

Titah Baginda, untuk membolehkan ranchangan2 kemajuan berjalan lancar, rakyat dan penduduk negeri ini hendaklah sentiasa men-

jaga keamanan dan ketenteraman yang sedia ada.

"Beta ingin menasehatkan supaya rakyat dan penduduk di-negeri ini akan sentiasa memelihara perpaduan demi untuk menjamin keamanan dan ketenteraman negara dan untuk membolehkan Kerajaan Beta meneruskan ranchangan2 kemajuan untuk faedah kita semua," titah Baginda.

Baginda juga menyeru pegawai2 dan kakitangan Kerajaan supaya menjalankan peranan masing2 seperti yang telah di-pertanggungjawabkan.

"Pegawai2 dan kakitangan adalah mengambil peranan yang penting dalam pelaksanaan ranchangan kemajuan negara yang mana mereka di-kehendaki supaya sentiasa berbakti dan sentiasa jujur lagi amanah dalam menjalankan tugas2 yang di-pertanggungjawabkan kepada mereka dan dengan demikian Insha Allah ranchangan kemajuan negara akan dapat berjalan dengan lancar-nya," titah Baginda lagi.

Terdahulu dalam titah itu, Baginda menyampaikan penghargaan ka-atas mereka yang berkenaan dalam melaksanakan dan menyumbangkan tenaga bagi menjayakan berbagai-bagai upacara perayaan pada tahun ini.

Projek2 perkembangan Daerah Tutong akan di-perluas — Awg. Mohd. Hassan

Oleh: Shaadon Lamzi

TUTONG. — Daerah Tutong kini berusaha mengusai, memperluas dan melaksanakan berbagai-bagai projek perkembangan untuk mencapai keamanan dan kesejahteraan serta ketinggian taraf hidup rakyat dan penduduk-nya.

Insha Allah, sepanjang tahun-ini hasil dari beberapa

pa perkhidmatan Kerajaan Baginda mereka akan juga dapat menikmati-nya dari berbagai aspek yang menjadi kehendak utama dan asas hidup masa kini.

Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohd Hassan bin Haji Mohd Yusoff berucap demikian ketika menyebarkan ucapan keshukoran ke-hadapan majlis Kebawah DYMM di-Istiadat Mengadap dan Mengorniakan Bintang2 dan Pingat2 sempena Hari Keputeraan Baginda yang ke-36 tahun bagi Daerah Tutong.

Dalam istiadat itu yang telah berlangsung di-Dewan Kemasyarakatan di-sini pagi Selasa minggu lalu, Awang Mohd Hassan berkata, perkhidmatan2 tersebut termasuk pembukaan tanah bagi pertanian, pembinaan sekolah2 dan masjid2, mengadakan kemudahan perhubungan dan menyediakan klinik perubatan.

Kata-nya, antara projek2 yang di-maksudkan itu ia-

lah, pembukaan tanah di-Kampung Birau bagi menempatkan luluhan peladang2 muda di-Pusat Latihan Pertanian Sinaut, sekolah2 baru di-Kampung Penapar dan Benutan dan di-Kiudang.

Pembinaan jalan raya Tanjong Maya/Lamunin, tambah-nya, sedang diusahakan, di-samping penyiapan kerja substation dan juga letrik bagi Tanjong Maya/Telisai dan sekitar Lamunin yang dijangka siap akhir tahun depan.

"Di-kampung2 terpenchil perkhidmatan talipon dengan menggunakan Sistem Fariron telah pun dipasang, hingga tahun ini di-jangka bilangan talipon yang baharu di-Daerah Tutong akan mencapai 75 peratus," ujar-nya.

Beliau juga berkata, di-samping menunggu siap-nya sa-buah lagi masjid, sa-buah klinik kesihatan telah pun di-buka kepada orang ramai di-Kampung Tanjong Maya baru2 ini.

Awang Mohd Hassan seterusnya menyebarkan antara projek2 yang



Pmk Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohd Hassan

dalam ranchangan termasuklah pengubahsuaian Pekan Tutong ia-itu mengatorkan jalan2 raya dan tempat letak kereta, mengadakan kawasan tamu baru dan meninggikan jalan2 kecil di-pendalaman.

Menyentuh keberangkatan Kebawah DYMM di-istiadat tersebut, Awang Mohd Hassan berkata, ia-nya akan jadi pendorong

Lihat muka 22

Manis-nya Iman

"SIAPA yang memandang sa-orang Islam dengan pandangan yang menakutkan-nya bukan dalam perkara yang hak nescaya Allah Ta'ala akan menakutkan-nya pada hari akhirat." —Hadith Nabi riwayat At-Tabarani daripada Ibnu 'Amru.



Pelita Brunei

DI TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

ANNUAL
HAKMI
KEBAJAHAN
NEGERI
BRUNEI

25HB OGOS, 1982.

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

Pembangunan yang pesat: KEKURANGAN TENAGA PELAKSANA

ORANG ramai mengetahui bahawa dalam kita sedang pesat membangun sekarang kita mengalami kekurangan tenaga pelaksana. Mereka mendapati bukan sahaja beberapa projek lambat di-siapkan bahkan ada yang memakan masa untuk di-mulakan. Dalam pada itu orang ramai semakin sadar betapa ungkayah membangun negeri ini di-segenap bidang terus menerus tidak di-kendorkan. Hasil-nya, di-segenap pelusok negeri raayat dan penduduk menikmati kemudahan2 asas di-samping keperluan utama mereka dari segi mata pencharian, pelajaran, kesihatan serta kebajikan lain-nya telah pula dapat di-penohkan.

Dengan keadaan dan taraf hidup di-negeri ini terus bertambah baik, di-sertai pula oleh suasana berkeselamatan yang terkawal, maka dapat di-ramalkan kehendak membangun akan bertambah pesat. Dalam kepesatan-nya itu-lah keperluan kapada tenaga pelaksana akan semakin ketara, yang mana jika sesuatu langkah tertentu tidak di-ambil, keperluan yang menunjol di-semua bidang akan menjadi 'lesen' kebanjiran orang2 asing ka-negeri ini yang akhir-nya sukar untuk di-kawal.

Titah Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, di-Lapau, minggu lepas mengenai tenaga pelaksana pembangunan sudah sewajar-nya di-junjung dan di-beri perhatian. Kerajaan, dalam titah Baginda itu, menyedari masaalah kekurangan tenaga manusia, terutama yang berkemahiran. Kerana itu perkembangan di-negeri ini semesti-nya di-ukor berasaskan tenaga yang boleh diperolehi untuk melaksanakan-nya. Dalam hubungan ini-lah ranchangan melateh anak negeri dalam berjenis2 bidang pekerjaan di-beri keutamaan oleh Kerajaan. Sa-takat ini, pusat2 latehan teknikal, kejuruteraan, pertanian dan bahkan juga kesenian telah dapat membekalkan di-bahagian keperluan tenaga dan membuka kesempatan bagi anak negeri melanjutkan latehan kemahiran di-seberang laut.

Dalam pada itu, sa-takat yang di-nampak, latehan2 yang ada sa-akan2 tertumpu kapada bidang2 kemahiran yang berasaskan kelulusan akademik. Sa-jumlah tenaga muda yang tidak menchapai taraf kelulusan akademik yang di-persharatkan tentu maseh boleh di-fikirkan kesesuaian mereka untuk bidang2 kemahiran yang lain yang sangat menunjol di-penohi oleh tenaga2 yang di-datangkan dari luar negeri. Kata-lah bidang itu bidang pekerjaan menggutting dan mendandan rambut, memotong dan menjahit pakaian, juru jual dan seumpama-nya.

Maka menilek hal dan keadaan seumpama ini, kehadiran tenaga yang di-datangkan dari luar negeri untuk mengisi keperluan di-peringkat yang paling ketara sedemikian itu boleh saja melemahkan keyakinan kita tentang sa-jauh mana pembangunan yang pesat sekarang tidak menjejaskan kepentingan masa depan negeri dan raayat pada keseluruhan-nya.

Kerana itu, orang ramai dan sa-tiap orang yang sayangkan kepentingan masa depan kita itu, terutama kalangan belia yang maseh bersekolah, perlu-lah insaf bahawa tenaga mereka sangat di-perlukan dan tidak sepatut-nya di-chichirkan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia kelihatan beramah mesra dengan beberapa orang anggota Pasokan Pandu Puteri di-mana kelihatan Puteri Baginda, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Muta-Wakillah Hayatul Bolkiah (tiga dari kiri) merupakan salah sa-orang anggota pasokan berkenaan.

Majlis Jamuan Meraikan Pasokan2 Beruniform

LEBEH sa-puluh buah pasokan beruniform yang terdiri dari Pasokan AMDB, Pulis Diraja Brunei, Pasokan Bomba, Pasokan Gurkha Rifles, Pasokan Kastam Dan Eksais Diraja, Imigresen, Pandu Puteri, Pengakap, Budak Serigala, Pasokan Kadet AMDB dan Pasokan Kadet Pulis Diraja Brunei telah menghadhiri Majlis Jamuan Meraikan Pasokan2 Beruniform di-negeri ini di-perkarangan Istana Darul Hana sempena Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan ke-36 tahun.

Majlis tersebut yang berlangsung pada malam Rabu, 18hb. Ogos yang baru lalu telah juga di-langsungkan dengan pengorniaan Pingat2 Kebesaran Negeri Brunei

kapada beberapa orang anggota Pasokan AMDB oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan.

Di-samping meraikan dengan majlis jamuan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan juga berkenan di-junjung ziarah, bersalaman dan beramah mesra dengan semua anggota2 pasokan beruniform yang hadir.

Turut menyerikan majlis tersebut ia-lah permainan lagu2 dari Pasokan Pancharagam Pulis Diraja dan Pasokan Pancharagam AMDB.

Turut berangkat ia-lah kerabat2 Diraja, pembesar2 negara, YAM Pengiran2 Cheteria, Pehin2 Menteri, Menteri2 Pendalaman dan lain2 jemputan khas.



KELIHATAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia di-ziarah dan bersalaman dengan anggota2 Pasokan AMDB.



TURUT menerima pengorniaan Pingat Kebesaran Negeri Brunei di-majlis tersebut ia-lah Lt. Abdu'r Rahmani bin Dato Paduka Haji Basir yang menerima Darjah Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Ketiga — SMB dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Istiadat Perbarisan Kehormatan dan Mengadap Daerah Tutong



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang memandu sendiri pesawat helikopter peribadi Baginda ketika mendarat di-kawasan padang Bukit Bendera untuk berangkat ka-Istiadat Perbarisan Kehormatan, Mengadap dan Mengorniakan Bintang2 dan Pingat2 bagi Daerah Tutong.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia memeriksa barisan kehormatan yang terdiri dari anggota2 Pasukan AMDB Battalion Kedua.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia mengorniakan Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Ketiga — SLJ kepada Awang Mohd Hassan bin Haji Mohd Yussof.

TUTONG. — Sambutan perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di-daerah ini telah bermula dengan satu Istiadat Perbarisan Kehormatan yang berlangsung pagi Selasa lalu bertempat di-Padang Sekolah Melayu Muda Hashim di-sini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan telah berkenan berangkat ka-istiadat tersebut untuk memeriksa barisan kehormatan yang diambil bahagian oleh anggota2 Pasukan AMDB Battalion Kedua dan di-iringi oleh Pasukan Pencharagam AMDB, Pasukan Serunai dan Tambor serta beberapa buah pertubuhan awam beruniform.

Sa-lepas istiadat perbarisan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia kemudiannya berkenan untuk berangkat di-Istiadat Mengadap dan Mengorniakan Bintang2 dan Pingat2 Kebesaran yang di-langsungkan di-Dewan Kemasyarakatan di-sini.

Dalam istiadat tersebut Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah menerima sembah ucapan keshukoran yang telah di-sampaikan oleh Pemangku Pegawai Daerah, Awang Mohd. Hassan bin Haji Mohd. Yussof dan di-susuli kemudian pengorniakan Bintang2 dan Pingat2 Kebesaran Negeri Brunei serta titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Sa-ramai empat orang di-daerah ini telah menerima kornia tersebut dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia di-istiadat itu, Awg. Haji Mat. Yassin bin Abdullah menerima Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Ketiga — SNB, Awg. Mohd. Hassan bin Haji Mohd.

Yussof menerima Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Ketiga — SLJ.

Manakala Awg. Haji Abd. Wahab bin Mohamad dan Awang Haji Akip bin Abdul Ghani kedua2nya menerima Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Ke-empat — PSB.

Turut berangkat ia-lah YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah.

Manakala pembesar2 negara yang hadir termasuk TYT Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang Arthur Watson, YTB Penasehat Umom Baginda Sultan Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa, YAB Pemangku Menteri Besar Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri

Setia Awang Haji Abdul Aziz, YB. Pemangku Setiausaha Kerajaan Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awg Abdul Rahman, YAM Pe-

ngiran2 Cheteria, Ahli2 Yang Berhormat, Pehin2 Menteri dan Menteri2 Pendalaman, Ketua2 Jabatan dan pegawai2 kanan kerajaan.



AWANG Haji Akip bin Abdul Ghani menjunjung ziarah Kebawah Duli Yang Maha Mulia sa-telah menerima Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Ke-empat — PSB.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia ketika berkenan memeriksa perbarisan yang terdiri dari Pasukan Sekolah Kadet Polis Diraja.



ANTARA pembesar2 negara yang turut hadir di-Istiadat Mengadap dan Mengorniakan Bintang2 dan Pingat2 Kebesaran Negeri Brunei di-Dewan Kemasyarakatan Pekan Tutong.

HALAL DAN HARAM: MENGAPA?

2. DARIPADA sahabat An-Nouas Ibnu Sam'an (Radhiallahu Anhu) bahawa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang erti-nya:

"Kebajikan itu ia-lah baik perangai, dan dosa itu ia-lah perkara yang menyentoh hati (terkait hati) kamu dan kamu benchi manusia melihat akan-nya." Hadith ini di-riwayatkan oleh Imam Muslim.

3. Sahabat Wabisah Ibnu Ma'badin (Radhiallahu Anhu) telah berkata: "Saya mengadap Rasulullah (Sallallahu Alaihi Wasallam) dan saya tidak hendak meninggalkan sa-suatu kebajikan atau dosa melainkan saya bertanya kepada Baginda, maka Rasulullah bersabda kepada saya yang erti-nya: "Mari dekat wahai Wabisah". Lalu saya menghampiri Baginda sa-hingga lutut saya bertemu dengan lutut Rasulullah. Kemudian Baginda Rasulullah bersabda kepada saya yang erti-nya: "Wahai Wabisah saya hendak khabarkan kepada kamu berhabib dengan perkara yang kamu tanyakan."

Saya menyahut: "Ya, Rasulullah khabarkan-lah apa-kah perkara yang hamba hendak tanyakan itu?" Sabda Rasulullah yang erti-nya: "Kamu datang hendak bertanya darihal perkara kebajikan

Siri ke-146

dan dosa". Jawab saya: "Iya ya, Rasulullah". Maka Rasulullah pun menghimpunkan tiga anak jari Baginda, dan Baginda Rasulullah tekankan jari Baginda ka-atas dada saya, sambil Baginda Rasulullah bersabda yang erti-nya:

Hati Yang Tenang

"Wahai Wabisah, tanya hati kamu, bahawa kebajikan itu ia-lah perkara yang apabila sa-seorang itu membuat-nya ia merasa tenang dalam diri-nya, dan dosa itu ia-lah perkara yang apabila sa-seorang itu membuat-nya ia merasa terikat dalam hati-nya dan berbelah bahagi hati-nya melakukan-nya, sekali pun ada orang² memberi tahu lain dari apa yang tersemat dalam hati kamu."

4. Daripada sahabat Anas (Radhiallahu Anhu) bahawa Rasulullah (Sallallahu Alaihi Wasallam) telah berjumpa sa-biji khorma di-atas jalan lalu Rasulullah bersabda yang erti-nya:

"Jikalau tiada saya takut kalau² khorma itu jatuh dari khorma sedekah orang, neschaya saya makan khorma itu." Hadith ini di-riwayatkan oleh Imam Bokhari dan Muslim.

5. Syedina Al-Hassan bin Ali (Radhiallahu Anhu) chuchunda Rasulullah telah mengatakan: "Saya telah hafazkan daripada Rasulullah (Sallallahu Alaihi Wasallam) sa-buah hadith Baginda yang erti-nya:

"Kamu tinggalkan perkara yang menjadikan kamu shak, dan kamu pergi dan buat perkara yang tiada menjadikan kamu shak." Hadith ini di-riwa-

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS



Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz
(YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri
Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B.,
P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo, Mufti

yatkan oleh Imam At-Termizi, An-Nasa'i dan Ibnu Hibban.

Sifat Wara'

Mengenai dengan sifat orang yang wara', Rasulullah (Sallallahu Alaihi Wasallam) juga pernah menjelaskan dalam hadith Baginda yang erti-nya: "Orang yang wara' itu ia-lah dia yang berhenti ketika ada shubhat dengan tiada melakukan perkara yang ada pada-nya shubhat itu."

6. Sahabat Attiyah Ibnu Urwah As-Sa'di (Radhiallahu Anhu) telah mengatakan bahawa Rasulullah (Sallallahu Alaihi Wasallam) telah bersabda yang erti-nya:

"Tiada-lah sa-orang hamba Allah itu sampai ka-perengkat orang yang takwa dan takutkan Allah, sa-hingga ia tinggalkan perkara yang di-panggil 'tiada mengapa' melaku-

kukan-nya atau yang tiada dosa pada-nya, semata² kerana ia takutkan tersua perkara yang 'ada mengapa' atau ada dosa pada-nya".

Berdasarkan kepada hadith di-atas, jelas-lah kepada kita bahawa hati kita turut merasakan suatu perkara itu berdosa atau tidak. Suatu perkara yang hati kita merasa waswas atau shak ketika melakukannya elok-lah di-tinggalkan supaya kita tidak jatuh kepada dosa. Sakira-nya hati kita tenang dan yakin akan sah dan betul (benar) perkara yang hendak kita buat itu maka boleh-lah di-teruskan.

Hati yang maseh suchi dan murni biasa-nya tahu membezakan benda yang membawa dosa dan sa-balek-nya.

WALLAHU A'ALAM
Bersambong

Dua orang lagi memelok ugama Islam

TUTONG.— Sa-orang gadis Dusun, Dayang Munah bte Mambang, 24 tahun, yang berasal dari Kampong Panchong, Layong di-sini, telah melafadzkan ikrar pengIslamannya di-hadapan Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Tamat sa-orang Penolong Pegawai Perkembangan Ugama di-Pejabat Ugama Daerah Tutong, pada hari Khamis 5hb Ogos, 1982 lepas.

Majlis pengIslamannya tersebut telah di-adakan di-rumah Che'gu Anuar bin Daud bertempat di-Kampong Lamunin, Daerah Tutong. Dayang Munah kini di-kenali sa-bagai Dayang Maimunah bte Abdullah.

Majlis pada malam itu juga telah di-serikan dengan majlis Dzikir Marhaban. Antara yang hadir di-majlis pada malam itu ia-lah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohd Hassan bin Haji Mohd Yusoff, Kadhi Daerah Tutong, Awang Haji

Metussin bin Haji Baki, Penghulu Mukim Lamunin Awang Abang bin Saad, Ketua Kampong Lamunin Awg Haji Mohd Noor bin Haji Burut, Pegawai² Kerajaan daerah itu serta penduduk² di-sekitar kampong tersebut.

Sementara itu, sa-orang pemuda berbangsa Bisaya, Sisara anak Kadandang, berusia 26 tahun, yang berasal dari Kampong Indok, Limbang, Sarawak telah memelok ugama Islam pada 2hb Ogos, 1982 lepas di-Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei.

Beliau telah melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila Begawan Mudim Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Matseruddin dan di-saksikan bersama oleh Pegawai² dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Sisara anak Kadandang kini di-kenali sa-bagai Md Arif bin Abdullah.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Langkah² sedang di-ambil bagi mempergiatkan sa-mula drama pentas di-negeri ini untuk di-pupok terus menerus dengan subor-nya terutama melalui jenerasi muda yang berminat dalam bidang drama dan teater.

Menurut Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka antara langkah itu ia-lah dengan mengadakan Peraduan Menulis Drama Pentas bagi membolehkan dewan itu mengorak langkah lebih jauh kepada persatuan² belia serta sekolah² menengah dan maktab² di-seluruh negeri.

Beruchap di-perjumpaan Taklimat Peraduan Menulis Drama Pentas bertempat di-Balai Pameran, Dewan Bahasa dan Pustaka di-sini awal bulan ini, Pengiran Badaruddin menjelaskan Kerajaan telah memperkenankan peruntukan sa-banyak \$5,500.00 sa-bagai hadiah peraduan, yang mana membuktikan betapa penting-nya perubahan kebudayaan ini di-

Langkah mempergiat sa-mula drama pentas di-negeri ini

ambil perhatian dan projek tersebut di-laksanakan segera.

Walau pun drama, menurut-nya, sudah sebatan dan menjadi sa-bahagian dari hidup kita, ternyata drama lebih menuntut berbagai tenaga dan kemahiran untuk di-hidupkan.

"Jika puisi, cerpen dan novel boleh hidup dalam

ungkapan atau baris² ayat, mengajak pembaca berfikir, tenggelam dalam kesedihan atau melompat ke-riangan maka untuk mendengar-dagingkan drama maseh tetap memerlukan sa-buah pentas, pelakon, pengarah dan petugas² mahir lain-nya untuk menaborkan kesan yang sama," jelas beliau.

Dengan kemajuan alat sebaran am hari ini, katanya lagi, drama kini sudah dapat di-bawa ka-tengah raayat, ia-itu menerusi pentas yang di-kenal manusia sejak tiga ribu tahun yang silam, menerusi radio yang mula ka-udara kira² 50 tahun lalu dan melalui talivishen yang munchol dalam tahun 1950.

Senarai bakal² haji kumpolan kelima

BERIKUT ia-lah senarai nama bakal² haji dalam kumpolan kelima. Kumpolan ini akan berangkat meninggalkan Brunei pada 1hb September.

Yahya bin Tamin, Jinah bte Mumin, Adol bin Tamin, Laki bte Muamat, Muharram bin Piah, Mutazamah bte Hassan Ashari, Taha bin Mahmud, Johari bte Saban, Abdul Rahman bin Piah, Pengiran Mohd

Mohd Daud bin Pg Haji Puteh, Dayangku Masni bte Pg Haji Ahmad, Awangku Ahmad Masudwardi Aidel Fitri bin Pg Mohd Daud, A. Noorlin bin Dato Ratna Haji Md Jaafar.

Pengiran Hidup bte Pg Md Jaafar, Pengiran Tengah bte Pg Buntar, Abdul Wahid bin PDP Haji Abu Bakar, Hajjah Rafiah bte Mohd Salleh, Pengiran Mohamad bin Pg Haji Zainal, Hamisiah bte Ali, Dayang Zainah bte Mulikaman,

Pawi bin Kassim, Masnah bte Haji Jalil, Haji Seruji bin Sukor, Zaini bte Haji Salim, Normah Abdul Manan, Ahmad Zamri bin Abdul Razak, Dk Hajjah Damit bte Pg Haji Tajuddin, Pengiran Haji Tengah bin Pg Anak Hashim (W), Hajjah Tengah bte Ali-akbar, Fatimah bte Pehin O.K.P.S.D. Paduka Haji Hashim, Junaidi bin Haji Hashim (W), Haji Sabli bin Awang Besar, Sinah bte Ahmad.

MARI-LAH kita sama2 bertakwa kepada Allah Ta'ala dengan sebenar2-nya dengan menjunjung titah perintah dan menjauhi segala larangan-Nya.

Ada-pun kemudian daripada itu, alhamdulillah kita bersyukur kepada Allah Ta'ala kerana dengan rahmat dan kurnia-Nya serta kemurahan Kerajaan Duli Yang Maha Mulia pada mengorbankan tambang haji kepada pegawai2 dan orang2 Islam yang tertentu, semakin ramai umat Islam pergi ka-Mekah untuk menunaikan ibadah haji dari sa-tahun ka-se-tahun. Mudah2an segala kemudahan yang berjalan sekarang ini akan terus berkekalan sa-hingga bila2 masa dan kemakmoran negara dan rakyat akan terus bertambah.

MENGANDONGI HIKMAT

Sa-bagaimana yang sama2 kita ketahui bahawa ibadah haji ada-lah salah satu daripada rukun Islam yang lima yang wajib dikerjakan oleh orang2 mukallaf yang telah cukup syarat2-nya. Ibadah haji memang mengandung banyak hikmat-nya yang mana ada yang dapat kita ketahui menerusi pengetahuan kita, dan ada pula yang tidak kita ketahui mengenai-nya. Satekang daripada-nya dengan pergi haji itu dapat menyaksikan dengan mata kepala kita sendiri tanah suci Mekah di-mana

NASEHAT KAPADA BAKAL2 HAJI:

AMALKAN SIFAT SABAR DAN TOLAK ANSUR

mula2 terpanchar-nya cahaya iman dan cahaya Islam dengan wahyu yang di-turunkan oleh Allah kepada rasul-Nya Nabi Muhammad s.a.w. Dan di-sana dapat pula kita melihat akan tanda2 kebenaran ugama kita dan tanda2 kebenaran Rasulullah s.a.w. baik semasa berada di-sekitar Baitullah, atau di-'Arafah atau di-Mina atau di-Madinah atau lain2 tempat di-tanah suci itu.

Dengan ada-nya kehadiran kita di-tanah suci Mekah dan lawatan ka-Madinah itu sa-olah2 tergambar-lah kepada kita perjuangan Rasulullah s.a.w. pada menegakkan ugama Islam, yang mana dengan demikian mungkin akan bertambah-lah kekuatan iman kita yang boleh mendorong kita bertambah2 taat mengerjakan ibadah dan surohan2 Allah Ta'ala.

KESUKARAN


Kapada bakal2 haji suka-lah kita menarek perhatian bahawa sa-

panjang menunaikan ibadah haji dan umrah itu memang bukan sedikit kesukaran dan perkara2 yang berlaku di-hadapan mata kepala kita yang kadang2 boleh menyebabkan timbul kurang senang dan marah kita. Apatah lagi orang2 haji yang bersama2 kita itu berlainan pula bangsa-nya, adat kebiasaan-nya dan tabiat kelakuan-nya. Bahkan jemaah yang sama2 kita dari Brunei itu pun ada yang tidak sama pembawaan-nya masing2 yang mana ada setengah-nya suka berebut2 menaiki kapal terbang, menaiki bas dan lain2.

Dan ada sa-tengah2 jemaah itu terdiri dari orang2 tua, kanak2 dan orang2 yang lemah yang mana semua keadaan2 itu boleh menyebabkan keadaan urusan perjalanan kurang lancar dan memuaskan hati kapada lain2 pehak yang sama2 sa-jemaah itu. Kerana itu-lah mustahak sekali para jemaah haji sentiasa bertolak ansur, bersabar dan

bekerjasama antara satu dengan lain. Ingat-lah bahawa pemergian kita ka-tanah suci itu bukan-lah untuk menchari kesenangan sendiri2 tetapi ia-lah untuk menunaikan ibadah, menghapuskan segala dosa kita yang lalu dan bagi menuntut keredhaan Allah jua. Jika kita tiada mengamalkan sifat2 tolak ansur, sabar dan bekerjasama itu sudah tentu boleh terjadi bermacam2 kejadian yang tidak di-ingini, dan bila ini terjadi sudah tentu-lah akan mengurangkan atau membinasakan pahala2 ibadah kita.

Salah satu kejadian yang selalu berlaku di-kalangan jemaah haji dari Brunei di-tahun2 yang lalu ia-lah kurang sabar mereka menunggu waktu yang sesuai untuk memulakan perjalanan dari 'Arafah menuju Muzdalifah. Habis sahaja mereka menunaikan sembahyang Magrib dan Isha sa-chara jama' takdim di-malam sa-puluh (10) Zulhijjah itu terus-lah mereka berkemas2 me-



naiki bas, pada hal sa-belum-nya Syeikh haji sudah berpesan supaya pemergian itu biar-lah lambat sedikit sekira2 jam sembilan atau lebih supaya sempat mabyit atau berada di-Muzdalifah sa-lepas tengah malam.

BERKEMAS

Tetapi oleh kerana para jemaah sudah berkemas dalam bas tentu-lah para pemandu bas2 itu tiada berlength2 lagi menjalakan-nya menuju Muzdalifah. Kalau chepat sampai di-Muzdalifah dan sudah selesai mengutip batu2 untuk di-lontarkan di-Jamarat nanti, sudah tentu pemandu2 bas itu tidak akan bertanggoh2 lagi untuk menjalankan bas menuju Mina, pada hal waktu meninggalkan Muzdalifah itu belum melimpasi tengah malam yang mana menyebabkan kita tertinggal wajib haji ia-itu mabyit atau berada di-Muzdalifah lepas tengah malam. Kalau kita tertinggal mabyit di-Muzdalifah itu kena-lah

kita membayar dam ia-itu menyembelih sa-ekor kambing, atau kalau tiada kuasa kena-lah berpuasa sa-puluh hari ia-itu tiga hari di-dalam haji dan ti-joh hari sesudah balek ka-negeri masing2. Kala semua jemaah haji beke-jasama dan sabar mene-rima arahan dari Sheikh2 haji dan pegawai perhubong haji sudah tentu kejadian seperti itu dapat di-elakkan dari berlaku.

TAKWA DAN SABAR

Dari itu wahai kaum muslimin, khas-nya para jemaah yang akan menunaikan haji tidak berapa lama lagi amalkan-lah sifat2 takwa, sabar, tawakkal, tolak ansur dan kerjasama sa-lama di-dalam menunaikan ibadah haji dan umrah dan di-mana2 pun tuah2 dan puan2 berada, supaya dengan demikian akan sempurna-lah ibadah2 tuah2 dan puan2 dan kembali ka-tanah ayer sa-bagi orang yang suci dari segala dosa dan haji tuah2 dan puan2 di-terima oleh Allah s.w.t. Kapada umat Islam yang tiada sama2 menunaikan haji pada tahun ini, mari-lah kita sama2 berdoa mudah2an para jemaah haji kita akan selamat pergi dan selamat kembali dari tanah suci dan sentiasa berada di-dalam keadaan sehat dan selamat.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 25hb Ogos, 1982 hingga ka-hari Selasa 31hb Ogos, 1982 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzuhur	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
25hb Ogos	12.27	3.45	6.35	7.46	4.42	4.57	6.15	
26hb Ogos	12.26	3.43	6.33	7.44	4.42	4.57	6.14	
27hb Ogos	12.26	3.43	6.33	7.44	4.42	4.57	6.14	
28hb Ogos	12.26	3.43	6.33	7.44	4.42	4.57	6.14	
29hb Ogos	12.26	3.43	6.33	7.44	4.42	4.57	6.14	
30hb Ogos	12.26	3.43	6.33	7.44	4.42	4.57	6.14	
31hb Ogos	12.26	3.43	6.33	7.44	4.42	4.57	6.14	

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

MEMELOK UGAMA ISLAM

BANDAR SERI BEGAWAN.— Tiga orang lagi telah memelok Ugama Islam dalam majlis pengislaman yang telah berlangsung di-Jabatan Hal Ehwal Ugama di-sini baru2 ini.

Pada 2hb. Ogos, 1982, se-orang pemuda Iban, Awang Sisara Anak Kedandang telah memelok Ugama Islam. Beliau kini di-kenali sa-bagai Md. Arif bin Abdullah.

Kemudian di-ikuti pula dengan Awg. Kadar bin Salir, berusia 28 tahun. Majlis pengislaman beliau telah berlangsung pada 7hb.

Ogos, 1982 dan beliau memilih nama Islam-nya sa-bagai Mohammad Iskandar bin Abdullah.

Majlis pengislaman bagi Awg. Francis Titom, berusia 30 tahun telah berlangsung pada 10hb. Ogos. Kini beliau di-kenali sa-bagai Awg. Md. Yunus bin Abdullah.

Ketiga-tiga mereka itu telah melafadzkan ikrar Islam mereka di-hadapan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Awg. Hj. Ismail bin Matseruddin.

Dalam proses kehidupan sa-tiap hamba Allah, ada-lah jelas bahawa mereka itu amat berhajat kapada bimbingan yang sehat, pimpinan yang baik serta nasehat dan tunjuk-ajar yang boleh membantu-nya ka-arrah kebahagiaan dan kesentosaan. Yang demikian ada-lah perlu mereka itu sentiasa di-peringatkan tentang akibat dan kesan2 burok yang boleh menimpa diri sendiri sa-andainya segala pantang larang di-langgar dan peratoran2 hidup berugama di-persia2kan.

Sementara itu pula bilamana manusia itu berhadapan dengan ajaran2 dan nasehat2 yang baik, seringkali mereka itu tidak mempunyai kata sa-pakat untuk menerima-nya meskipun ternyata nasehat itu baik dan mendatangkan faedah kapada kehidupan mereka sendiri. Kerana, di-samping golongan yang bersedia untuk menerima-nya serta bersedia pula untuk mempraktikkan-nya, maka terdapat pula golongan yang menolak dan menentang tanpa mengira akibat penolakan mereka itu akan

Manusia berkehendakkan pimpinan dan tunjuk-ajar yang baik

membawa-nya ka-arrah yang merugikan.

Penentangan atau perasaaan tidak peduli terhadap ajaran2 dan nasehat2 yang baik antara lain ada-lah di-sebabkan oleh pandangan mata dan hati yang menjadi kabor akibat dari kilauan kehidupan dunia yang mempersonakan. Tetapi manusia itu sa-benar-nya lupa bahawa sa-sungguh-nya kehidupan dunia itu bukan-lah matalamat sa-benar-tujuan hidup, sedang tujuan akhir hayat sa-seorang ada-lah alam akhirat yang sering di-lupakan itu. Perhatikan-lah maksud Firman dalam surah Al-'alna ayat 14 hingga 17 yang bermaksud:

"Sa-sungguh-nya berbahagia-lah orang yang membersehhkan diri-nya, dan mengingati nama Tuhan-nya serta mengerjakan ibadah sembahyang, tetapi kamu memilih kehidupan dunia sedangkan

Bingkisan minggu ini

akhirat itu lebih baik dan kekal."

Membersehhkan diri dalam kata yang lain ia-lah patoh dan taat kapada perintah Ilahi. Jiwa, hati dan perasaan-nya bersih dari segala onar dan kejahatan, budi pekerti dan akhlak-nya jauh terhindar dari tabiat yang burok dan kotor, sementara ibadah sembahyang sa-bagai satu sistem yang mengikat diri-nya dengan Allah sentiasa tersimpul kuat dan rapi. Begitu-lah hakikat-nya mereka yang benar2 bahagia dan beruntung.

Bagaimana pun jua, lantaran kehidupan sa-mula jadi manusia itu yang banyak chenderong memberikan perhatian-nya terhadap kenikmatan duniawi yang bersifat sementara dan pada asas-nya berbentuk material dengan warna2 kepaluan-nya yang mengkaborkan mata itu, maka kerana itu perhatian

terhadap kehidupan okhrawi yang sa-wajib-nya di-perhatikan dengan wajar agak di-lupakan dalam proses kehidupan sa-hari2. Lantaran itu rasa redha, sabar dan tawakkal kapada Ilahi kadang2 luput dari jiwa sa-seorang itu. Ini-lah agak-nya persoalan yang telah di-tegaskan oleh Allah tadi yang maksud-nya "Manusia itu lebih memilih kehidupan dunia, sedangkan akhirat itu lebih baik dan lebih kekal."

Dalam perkara ini amat-lah mustahak di-ketahui bahawa hasrat untuk kemewahan dan kesenangan kebendaan yang membuta tuli itu sa-sungguh-nya bukan-lah suatu perbuatan yang baik yang akan dapat di-pelihara kekal untuk sa-lama-nya. Ia juga tidak akan dapat menjamin kesentosaan hidup akhrawi yang di-idamkan oleh sa-tiap hamba Allah yang takwa. Malah sebakel-nya tidak mustahil pula ia akan menjadi belenggu yang mengungkong kehidupan sa-seorang andai-nya pengarah kebendaan itu keseluruhan-nya menguasai hidup-nya.

Maka jalan yang sebaik2-nya ia-lah mengimbangkan minat antara kepentingan duniawi dan okhrawi serta menginsafi bahawa akhirat itu-lah matalamat yang sebenar-nya yang wajar di-kejar sa-waktu kita masih hidup, masih sehat dan masih bertenaga untuk melakukan-nya.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Pelukis2 Brunei perlu-lah membuat hubungan antarabangsa dengan persatuan2 pelukis luar negeri terutama dengan negara2 jiran.

Dengan chara bergabung dengan persatuan2 senilukis di-luar negeri, pelukis2 tanah ayer akan dapat mempamerkan karya2 mereka di-luar negeri sama ada sa-chara individu atau pun melalui persatuan ini.

Demikian di-tegaskan oleh Awang Abd. Razak bin Haji Muhammad, Pengarah Radio dan Talivishen Brunei ketika memasmikan Peraduan dan Pameran Senilukis dan Pertukangan Tangan Sempena Perayaan Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, di-Balai Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka pada 16hb. Ogos lepas.

Awang Abd. Razak bin Haji Muhammad menyaranakan kepada Persatuan Pelukis2 Brunei melalui ehsan Kerajaan supaya mengundang pelukis2 luar negeri yang telah mahir

Mempamerkan karya2 di-luar negeri :

HUBONGAN DGN PERSATUAN ANTARABANGSA PERLU

Oleh : Muhaimin bin Haji Muhammad.

dan 'established' agar dapat meninggikan mutu senilukis tanah ayer.

Kata-nya, peranan yang berkesan yang boleh dimainkan oleh persatuan ini ia-lah selaku 'watch dog' atau bapa saudara kepada pelukis2 dan pertukangan tangan di-negeri ini.

"Persatuan ini perlu-lah mengambil tahu mengenai perkembangan pembelajaran senilukis dan pertukangan tangan sekurang-kurangnya berhubung rapat dengan bahagian kurikulum pelajaran senilukis dan pertukangan tangan di-Jabatan Pelajaran," ujarnya.

Pengarah Radio dan Talivishen selanjut-nya menyatakan Persatuan Pelukis2 Brunei boleh menjadi 'watch dog' kepada pengiklan2 tempatan sama ada iklan itu melalui surat khabar dan talivishen supaya mutu iklan2 tersebut tidak menyentoh peribadi negara kita.

Peraduan Senilukis dan Pertukangan Tangan di-bahagikan kepada enam bahagian ia-itu potret, pemandangan, alam benda, batek, abstrak dan archa.

Bahagian potret di-menangi oleh Awang Salleh bin Haji Ibrahim, pemenang bahagian pemandangan dan archa ia-lah Awang Osman bin Mohammad, bahagian batek di-menangi oleh Awang Jay Lim, Awang Matair bin Amin pemenang bahagian modern

art, sementara bahagian alam benda tidak ada pemenang-nya kerana tidak mencapai taraf-



Awang Abd. Razak bin Haji Muhammad.



Sa-bahagian dari lukisan yang di-pamerkan (atas).

Pesta Tamu di-Pantai Lumut

SERIA. — Satu Pesta Tamu akan di-adakan pada hari Ahad, 12hb. September depan, bertempat di-Pantai Lumut di-sini ia-itu sa-bagai salah satu acara Perayaan Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei bagi Daerah Belait tahun ini.

Pesta Tamu itu akan bermula pada jam 9.00 pagi dengan satu upacara perasmian oleh Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Puasa bin Tudin.

Antara acara yang terkandung dalam pesta itu termasuklah persembahan kebudayaan antarabangsa, persembahan kebudayaan dari ahli2 Dewan Bahasa dan Pustaka, persembahan Bubu Mengalai, peraduan silat kanak2, peraduan nyanyian kanak2, sokan pantai dan persembahan pancharagam. Hadiah2 bagi peraduan2 tersebut akan di-sampaikan oleh Pegawai Kehutanan, Awang Haji Hepnie bin Mohd. Salleh.

Pengerusi Pesta Tamu, Awang Tuah bin OKMD Haji Saman, sementara itu memaklumkan kepada orang ramai di-daerah tersebut yang ingin memileki gerai2 makan dan minum serta pas masuk kereta, supaya

dapat menghubungi Awang Serudin bin Baha dan Awang Taib bin Damit di-Sekolah Menengah Melayu Muhammad Alam, Seria atau Awang Kassim bin Dollah di-Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait. Pas2 masuk kereta akan di-jual dengan harga \$3.00 tiap2 satu.

Menyentuh mengenai Pesta Tamu itu, Awang Tuah berkata ia-nya di-anjorkan bagi kali ka-tiga oleh Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Keputeraan bagi Daerah Belait dan di-kekelolakan oleh Pelajar2 Kelas Dewasa Sekolah Menengah Melayu Muhammad Alam, Seria.

Jalankan tugas Ketua Kampong

Ada-lah di-ma'alomkan kepada penduduk2 Kampong Lurong Sekuna dan orang ramai am-nya ia-itu Awang Haji Samat bin Ibrahim, Ketua Kampong Lurong Sekuna telah berhenti dari jawatan-nya sa-bagai Ketua Kampong Lurong Sekuna mulai 1hb Jun 1982 dan buat masa ini Ketua Kampong Setia Pahlawan Lama, Awang Haji Abd Rahman bin Abdullah telah di-perkenankan untuk menjalankan tugas2 sa-bagai Ketua Kampong Lurong Sekuna mulai 1hb Jun 1982 sa-hingga Ketua Kampong yang baru dilantik.

nya, hanya di-berikan hadiah saguhati.

Pemenang 'Salon' ia-itu hadiah terbaik pada keseluruhan-nya di-sandang oleh Awang Salleh bin Haji Ibrahim. Hadiah kepada pemenang2 telah di-sampaikan oleh Awang Abdul Razak bin Haji Muhammad, Pengarah Radio dan Talivishen Brunei.

Pameran Senilukis dan Pertukangan Tangan di-kekelolakan oleh Persatuan Pelukis2 Brunei. Pameran tersebut di-adakan sa-lama dua minggu mulai dari 16hb. Ogos hingga 31hb. Ogos, di-Balai Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka. Lebih sa-ratus buah lukisan dan pertukangan tangan sedang di-pamerkan.



Awang Salleh bin Haji Ibrahim, pemenang 'salon' menerima hadiah yang di-sampaikan oleh Awang Abd Razak.

Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak dari 25hb. hingga 31hb. Ogos, 1982.

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Melayu Panglima Beruddin, Limau	25.8.1982	Rabu	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Melayu Pengkalan Batu	25.8.1982	Rabu	9.45-10.45
Sekolah Melayu Masin	25.8.1982	Rabu	11.00-12.00 T/Hari
Sekolah Melayu Jerudong	28.8.1982	Sabtu	8.30 9.30 pagi
Pusat Tahanan Jerudong	28.8.1982	Sabtu	9.45-10.45
Sekolah Melayu Sengkurong	28.8.1982	Sabtu	11.00-12.00 T/Hari
Sekolah Ugama Sengkurong	28.8.1982	Sabtu	2.00- 3.00 petang
Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti Kilanas	28.8.1982	Sabtu	3.15- 4.15 "
Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut	28.8.1982	Sabtu	4.30- 5.30 "
Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Rendah)	30.8.1982	Isnin	2.00- 3.00 "
Berhadapan Kedai, Kampong Perpindahan	30.8.1982	Isnin	3.30- 4.30 "
Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok	31.8.1982	Selasa	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Melayu Datu Mahawangsa, Lambak	31.8.1982	Selasa	10.30-11.30 "

Angka Tunjok harga barang2 pengguna naik

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kenaikan angka tunjok bulan Julai juga di-sebabkan oleh semua jenis ikan hidup dan udang, ikan masin, udang kering, coffee-mate, majerin, pisang dan sayur seperti timun, kacang bindir dan terong.

Kenaikan tersebut terutama-nya di-sebabkan oleh kenaikan angka tunjok kumpulan2 makanan (+1.0%), pakaian dan kasut dan lain2 (+1.0%) dan barang2 dan perkhidmatan2 rampaian (+0.1%). Sementara angka tunjok kumpulan2 lain masih tetap tidak berubah.

Pembayaran bagi jahitan pakaian dan pembayaran perubatan dan kesihatan juga menunjukkan kenaikan sedikit, bagaimana pun kenaikan harga barang2 tersebut telah diimbangi oleh kejatuhan harga daging, kacang panjang dan gula2.

\$5j DI-BELANJAKAN UNTUK SKIM LATEHAN

SERIA. — Sharikat Shell Brunei akan membelanjakan \$5 juta tahun ini bagi tujuan melatih rakyat Brunei untuk memperolehi pengetahuan dan pengalaman dalam bidang perusahaan minyak dan gas, di-seberang laut.

Sa-bahagian dari penerima2 skim biasiswa itu ada-lah di-tawarkan kepada penuntut2 Tingkatan Enam, untuk mempelajari bidang teknikal, bukan teknikal dan kursus2 kejuruan sa-hingga

mendapat diploma atau ijazah di-United Kingdom.

Kursus2 yang di-tawarkan bagi biasiswa ini ia-lah mekanik, elektrik, peralatan2 kejuruteraan, kejuruteraan minyak dan gas, kaji-bumi, penyelidik komputer dan kira2.

Dalam pemilihan penerima2 biasiswa, BSP bekerjasama dengan Bahagian Dermasiswa Kerajaan. Dan sa-takat ini 34 orang penuntut sedang belajar di-United Kingdom di-bawah biasiswa itu.

Sharikat ini juga telah menawarkan latehan2 untuk juruteknik2 bagi mengikuti Kursus Majlis Pelajaran Teknikal di-United Kingdom.

Pada masa ini sa-ramai 64 orang penuntut yang menjalani kursus2 dua tahun di-Sekolah Jefri Bolkiah di-Kuala Belait telah menerima skim itu termasuk di-bidang elektrik, mekanik dan kejuruteraan peralatan, dan bagi pencapaian di-peringkat diploma Biasa Kebangsaan TEC (ONJ) di-Brunei telah pun di-uruskan.

Di-samping itu, BSP juga telah menawarkan pekerja2-nya yang berkecayaan untuk mengikuti berbagai kursus di-United Kingdom, yang mana 19 orang pekerja Sharikat ini sekarang sedang berada di-United Kingdom.

Sa-lain dari itu Shell Brunei juga menawarkan bantuan kewangan kepada penuntut2 menengah yang memperolehi keputusan chemerlang dalam pemeriksaan Sijil Am Pelajaran Brunei dan Sijil Tinggi Persekolahan.

Wad2 akan di-ubah-suai

SERIA. — Empat wad di-Rumah Sakit Panaga, ia-itu wad lelaki, wad perempuan, wad beranak dan wad kanak2 akan di-ubah-suai bagi menambahkan lagi kesesuaian bagi pesakit2 yang di-tempatkan di-wad2 tersebut.

Kerja2 pengubah-suai itu, di-jangka akan di-mulakan di-penghujung bulan ini, yang akan di-mulakan di-wad lelaki. Kerja2 itu akan berjalan kira2 enam minggu. Sa-telah itu kerja2 akan di-teruskan di-wad beranak, wad perempuan dan wad kanak2.

Wad2 tersebut akan di-lengkapi dengan pemasangan sistem hawa dingin di-semua bahagian terbuka wad2 itu, yang mana pada masa ini hanya bilek2 sahaja yang berhawa dingin. Wad2 itu juga akan di-lengkapi dengan lantai2 tile yang baru, jendela2 kayu akan di-gantikan dengan bingkai2 aluminium dan semua bilek2 jamban juga akan mendapat kelengkapan yang baru.

Dalam jangka masa pengubah-suai di-lakukan, pesakit2 lelaki akan di-tempatkan di-sebahagian wad kanak2, pesakit2 beranak akan di-pindahkan di-wad perempuan, dan begitu-lah sabalek-nya bila kerja2 bermula di-wad masing2.

Pelateh2 memulakan latehan

SERIA. — Sharikat Shell Brunei telah mengambil 16 orang pelateh bagi memulakan latehan dalam bidang Pentadbiran Majlis Pendidikan Perniagaan (BEC) dan Skim Latehan Perdagangan yang baru di-perkenalkan di-pusat latehan itu.

Tiga kumpulan melawat BSP

SERIA. — Tiga kumpulan telah mengadakan lawatan ka-padang minyak di-Seria baru2 ini.

Pelawat2 itu ia-lah terdiri dari ahli2 Persatuan Sains Sekolah Inggeris Perdana Wazir, Kuala Belait, kaki-tangan Jabatan Perindustrian, Bandar Seri Begawan dan ahli2 Persatuan Sejarah Sekolah St. Andrews juga di-Bandar Seri Begawan.

Kumpulan2 pelawat itu telah di-beri taklimat mengenai dengan latar-belakang Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad. Mereka juga di-bawa melawat ka-beberapa bahagian pemasangan minyak.

Sa-ramai 11 orang di-antara pelateh2 itu terdiri dari wanita dan sa-lebihnya lelaki. Mereka ini akan mengikuti skim Peringkat 'Am selama sa-tahun di-pusat itu, dan jika berjaya mereka akan meneruskan kursus di-Peringkat Kebangsaan selama dua tahun di-Pusat Latehan Teknikal Brunei di-Jalan Muara.

Dalam tahun permulaan, mereka akan mempelajari empat mata pelajaran asas. Sementara bagi "dunia pekerjaan" pelateh2 itu akan mempelajari rangka2 pertubuhan perniagaan, ter-

masuk sistem pejabat dan alat2 kelengkapan, pertubuhan sharikat, peratoran2 bank, perhubungan dalam satu pertubuhan; dasar2 kiraan dan proses data; bagi membolehkan pelateh2 itu memperolehi satu penghargaan operasi kewangan.

Dalam masa tiga tahun itu juga pelateh2 akan ditugaskan ka-beberapa jabatan seperti Perkhidmatan2 Pejabat Kewangan, Perkhidmatan Perbekalan dan lain2 pejabat, bagi latehan pekerjaan, dan ini ada-lah bagi persediaan mereka sesudah bekerja di-beberapa buah jabatan di-BSP.

Pelateh2 teknikal tamat kursus dari JBSE

SERIA. — Sa-ramai 86 orang pelateh2 dari Pusat Latehan Teknikal dan di-Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkiah (JBSE) telah menamatkan latehan mereka baru2 ini.

Kebanyakan dari mereka itu telah memasuki Jabatan Kejuruteraan (LEN) di-BLNG dan di-bahagian2 Perkhidmatan, Operasi dan Kejuruteraan di-BSP.

Pelateh2 ini juga di-jangka akan memasuki Skim2 Kemajuan Teknikal yang menyediakan latehan bimbingan selanjut-nya bagi pelateh2 dan juruteknik2 mendapat kedudukan yang kukuh, dan sa-bahagian dari mereka

akan menerima pelajaran teknikal selanjut-nya yang akan di-sediakan di-dalam lingkungan Sharikat.


Sementara itu, sa-ramai 22 orang pelateh telah pulang baru2 ini dari menghadiri beberapa kursus juruteknik di-United Kingdom. Salah sa-orang dari mereka itu, Awg Kamis bin Osman, dari BLNG akan kembali ka-United Kingdom bagi meneruskan lagi pelajaran-nya.

Empat yang lain-nya akan kembali di-tahun hadapan untuk memasuki universiti sa-telah memperolehi pengalaman selanjut-nya di-BSP atau BLNG.

Jalankan tugas Penghulu

Ada-lah di-ma'alomkan kepada penduduk di-sekitar Mukim Pengkalan Batu dan orang ramai amnya ia-itu Awang Haji Wahab bin Abdullah, Penghulu Mukim Pengkalan Batu, Daerah Brunei dan Muara telah bersara dari jawatan-nya sa-bagai Penghulu Mukim Peng-

kalan Batu. Awang Buntar bin Serudin telah di-perkenankan untuk menjalankan tugas2 sa-bagai Penghulu Mukim Pengkalan Batu mulai 1hb. Ogos, 1982 sa-masa Awang Haji Wahab bin Abdullah dalam percutian dan sa-hingga Penghulu Mukim yang baru dapat di-lantek.



Pelampong SMB-1 di-baiki

SERIA. — Pelampong SBM-1 yang terdapat di atas tongkang "NJB - 2" akan di-perbaiki oleh sa-buah Sharikat Perancis yang mahir dari Monaco. Kerja-kerja membaiki ini akan berjalan kira2 tiga bulan.

Sa-telah selesai pembaikpulehan itu, ia-nya akan di-laksanakan semula untuk perkhidmatan bagi

menggantikan SBM-2 yang akan di-bawa untuk mendapat rawatan yang sama.

SBM-1 ini boleh menyediakan tempat2 pemuatan dan penambat bagi tanker2 yang datang untuk mengangkut minyak. Pelampong2 SBM ini juga boleh di-sambung dengan paip ka-tempat2 tangki simpanan di-darat dan menyediakan hos ka-tanker pemuatan.

RALAT

SEDIKIT kesilapan dalam titah Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei dalam Lampiran Khas muka (i). Paragraf yang kelima dan ke-enam hendak-lah di-bacha seperti berikut :

Oleh itu dalam mengator rancangan2 pembangunan bagi negeri ini, Kerajaan Beta Insha Allah akan sentiasa merancang dan melaksanakan rancangan2 yang realistik yang berasaskan pandangan yang jauh dan penghayatan yang teliti semata2 untuk menambahkan lagi kebahagiaan rakyat dan penduduk di-negeri ini; meningkatkan taraf hidup mereka dan menjamin kebahagiaan hidup itu supaya tidak akan tergugat oleh anasir2 yang tidak di-ingini, untuk menjamin supaya Negeri Brunei akan terus berkembang maju sa-bagai sa-buah negara yang penuh merdeka lagi ber-

daulat tidak berapa lama lagi Insha Allah, maka ada-lah mustahak supaya persiapan2 kita untuk masa depan itu juga meliputi usaha untuk memperkukuhkan keamanan dan keselamatan negeri.

Pada menuju ka-araf pembentukan jentera pentadbiran yang efisien lagi chergas serta pegawai2 yang jujur dan amanah, maka Kerajaan Beta telah pun melaksanakan beberapa perubahan peratoran dan demikian juga telah meluluskan beberapa undang2 tertentu. Kapada semua pegawai dan kakitangan Kerajaan Beta, Beta ingin menegaskan bahawa ada-lah menjadi hasrat Beta untuk melihat sa-suatu perubahan di dalam pentadbiran itu di-tujuan bagi meningkatkan lagi mutu pekerjaan masing2 demi untuk kepentingan Kerajaan, negara serta rakyat dan penduduk Negeri Brunei Darussalam.

Panggilan rengkas Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahgia Darjah Pertama yang dikurniakan kepada Y.B. Pemangku Setiausaha Kerajaan ia-lah P.S.N.B. dan bukan-nya P.S.U.B. seperti yang tersiar dalam keterangan gambar di-muka 24 keluaran minggu lalu.

Petekab sabda YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah yang di-siarkan dalam lampiran khas muka (ii) hendak-lah di-bacha seperti berikut :

- * Perhatian berat mendampingi rakyat
- * membuka pemandangan yang luas dalam bidang diplomatik.
- * keamanan sa-rantau penting bagi Brunei.

Pegawai Pemetaan yang pertama

BANDAR SERI BEGA WAN. — Jabatan Ukur kini mempunyai Pegawai Pemetaan. Beliau ia-lah Awg. U.G. Weerapura.

Awg. Weerapura, berasal dari Sri Lanka telah memulakan tugas-nya mulai 12hb Ogos yang lalu sa-chara berkotrek sa-lama tiga tahun.

Dengan lantekan itu, beliau ada-lah menjadi Ketua Bahagian Pemetaan Jabatan Ukur yang bertanggung-jawab kepada Juru Ukur Agong terhadap pelaksanaan bidang2 kerja pemetaan di-negeri ini.

Awg. Weerapura, sa-orang persara dari Kerajaan Sri Lanka, mempunyai pengalaman luas dalam bidang kerja2 ukur dan pernah berkhidmat di-Bahrain sa-belum menjawat jawatan-nya sekarang ini.

RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pihak Radio Talivishen Brunei berhak untuk menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebih dahulu.

HARI RABU 25HB OGOS

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 NATURE WATCH: "Konrad Lorenz"
- 5.30 BLACK STAR "The Air Whales of Anchor"
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 JOE'S WORLD
- 6.30 PRETENDERS: "The Eyes of the Drum"
- 6.35 AZAN MAGHRIB
- 6.40 PRTEENDERS — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 KING'S CROSSING: "Ghosts"
- 7.46 AZAN ISHA
- 7.49 KING'S CROSSING — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 LIPUTAN NASIONAL
- 8.50 ONE OF THE BOYS
- 9.20 QUINCY: "Expert In Murder" Kepakaran Quincy dalam perkerjaannya di-ragukan apabila beberapa kenyataan-nya ada yang bertentangan dengan siasatan sifat penyakit (diagnosis) yang pernah di-laksanakan-nya.
- 10.10 MIDWEEK MOVIE: "House of Cards"
- 11.40 SIARAN TAMAT.

HARI KHAMIS 26HB OGOS

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 SESAME STREET
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 FLINTSTONE FROLICS
- 6.30 WILD KINGDOM: "Desert Bighorns of Gypsum Canyon"
- 6.33 AZAN MAGHRIB
- 6.37 WILD KINGDOM — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 BUCK ROGERS IN THE 25TH CENTURY: "The Hand Of The Coral"
- 7.44 AZAN ISHA
- 7.48 BUCK ROGERS — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 HIDAYAT
- 9.00 DUNIA MINGGU INI
- 8.30 HIDAYAT
- 9.30 ROUGHNECKS (Episod terakhir)
- 0.20 MORECOMBE AND WISE SHOW
- 0.50 TODAY'S FBI: "Fugitive"
- 1.40 THAT'S HOLLYWOOD
- 2.10 SIARAN TAMAT.

HARI JUMAAT 27HB OGOS

ENGHAHARI

- 2.00 LAGU KEBANGSAAN
- 2.02 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 2.12 SUSUNAN RANCHANGAN
- 2.15 TAZKIR
- 2.45 AZAN SEMBAHYANG FARDHU JUMAAT
- 2.50 KHUTBAH

ETANG

- 1.00 HIDAYAT (Ulangan)
- 1.25 SELINGAN
- 1.45 GAMES PEOPLE PLAY

- 2.30 THE BIG VALLEY: "They Called Her Delilah" (Ulangan)

- 3.15 DRAMA: "Anak Petani"

- 3.43 AZAN ASAR

- 3.36 DRAMA — sambongan

- 4.00 KUNTUM SENI

- 4.20 KAP KAP UDANG

- 4.50 MUNCH BUNCH: "Hot Cross Emma"

- 5.10 SONG BOOK

- 5.30 HEALTH FIELD: "Animal Health"

- 6.00 BERITA AWAL

- 6.05 YOU ASKED FOR IT

- 6.30 ABC CHILDREN INTERNATIONAL: "May Day, May Day" Bhg. 2

- 6.33 AZAN MAGHRIB

- 6.37 ABC CHILDREN INTERNATIONAL — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 JESSICA NOVAK: "The Boy Most Likely" Jessica menghadapi problem untuk menolong sa-orang graduand baru yang hendak membunuh diri.
- 7.44 AZAN ISHA
- 8.15 WARTA BERITA
- 7.48 JESSICA NOVAK — sambongan
- 8.30 RANCHANGAN TIGA MINIT
- 9.00 MARRIED: THE FIRST YEAR (Siri Baru)
- 9.50 KEEP IT IN THE FAMILY: "... And Not A Drop to Drink" Susan yang masih begitu muda sudah jadi peminum.
- 10.30 GUSTI
- 11.00 THE NEW TOM JONES SHOW: "Teddy Pendergass dan Lola Falana"
- 11.30 SIARAN TAMAT.

HARI SABTU 28HB OGOS

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 SESAME STREET
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 THE ALL NEW POPEYE SHOW
- 6.30 BARRIERS (Episod Terakhir)
- 6.33 AZAN MAGHRIB
- 6.37 BARRIERS — sambongan



MARRIED: THE FIRST YEAR — siri drama mencherminakan keseronokan dan problem pasangan2 muda yang baru mendirikan rumah-tangga bermula Jumaat kira2 jam 9.00 malam.

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 TRAPPER JOHN M.D.: "The Ego Experience" Sa-orang pengarang, Andrey Ridley akan di-bedah oleh Dr Gonzo Gates. Mereka berdua menerima anchaman maut. Si-pesakit boleh menerima ke-untongan dari anchaman ini sekiranya pembedahan itu berjaya atau pun di-batalkan.
- 7.44 AZAN ISHA
- 7.47 TRAPPER JOHN M.D. — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 LIPUTAN NASIONAL
- 8.50 MARI MEMASAK: "Samolina Peanut" Resepi-nya ada di-siarkan di-muka lain akhbhar ini.
- 9.20 INDONESIAN MOVIE: "Kemasukan Setan"
- 11.50 LATE NIGHT MOVIE: "Count Yorga Vampire" Count Yorga menyeru roh sa-orang ibu yang baru meninggal dunia. Pelakon2: Robert Quarry, Roger Perry, Michael Murphy, Michael McReady, dll.
- 12.20 SIARAN TAMAT.

HARI AHAD 29HB OGOS

PETANG

- 2.00 PEMBUKAAN
- 2.02 KORAN DAN KESIMPULAN
- 2.13 SUSUNAN RANCHANGAN
- 2.15 PERADUAN MEMBACHA AYAT2 SUCHI AL-KOR'AN BAGI MAK-TAB2 DAN SEKOLAH2 UGAMA, BRUNEI.
- 3.43 AZAN ASAR
- 3.46 PERTANDINGAN MEMBACHA AL-KOR'AN — sambongan
- 4.42 KAP KAP UDANG
- 5.10 THE BRENDON CHASE: "The Mighty Calliban"
- 5.10 THE BRENDON CHASE: "The Mighty Calliban"
- 5.40 SCIENCE INTERNATIONAL
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 BRADY KIDS (Siri baru) "Animation"
- 6.30 HARPER VALLEY: "Stellascam"
- 6.33 AZAN MAGHRIB
- 6.37 HARPER VALLEY — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 SHANNON: "Neither A Borrower"

- 7.44 AZAN ISHA
- 7.47 SHANNON — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 ASLIRAMA No.: 2 (Separoh Akhir)
- 9.15 DRAMA: "Kalau Hendak Seribu Daya" (Ulangan)
- 9.45 THREE'S COMPANY: "Chrissy's New Boss" Siapa-kah boss Chrissy yang sa-benar-nya!
- 10.15 CALEB WILLIAMS (Episod terakhir)
- 11.15 TALES OF THE UNEXPECTED: "Glowing Future" Betsy ada satu hadiah yang paling chuchok untuk isteri bekas kekaseh-nya.
- 11.45 SIARAN TAMAT.

HARI ISNIN 30HB OGOS

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 MUNCH BUNCH: "The Fastest Bunch In The West"
- 5.15 THE ALL NEW PINK PANTHER SHOW
- 5.35 CAMP WILDERNESS SPECIAL
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 THAT'S INCREDIBLE
- 6.33 AZAN MAGHRIB
- 6.37 THAT'S INCREDIBLE — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 SIMON AND SIMON: "The Uncivil Servant" A.J. dan Rick di-upah untuk menyiasat kechurian fail rahsia kepunyaan tandingan ketat dalam perniagaan mereka.
- 7.44 AZAN ISHA
- 7.48 SIMON AND SIMON — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 LIPUTAN NASIONAL
- 8.50 SCRUPLES (Siri baru)
- 9.50 DOKUMENTARI: "Cosmos"
- 10.50 GEORGE AND MILDRED: "In Sickness and Health" Apa yang di-lakukan oleh George ketika Mildred di-masokkan di-Hospital?
- 11.20 SIARAN TAMAT.

HARI SELASA 31HB OGOS

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 MAGIC STAR TRAVELLER
- 5.30 THE BROTHERS LIONHEART — Siri baru
- 5.45 HANS CHRISTIAN ANDERSEN ANIMATION: "Ole Lukoie"
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 NATURE OF THINGS: "Flick Waves"
- 6.33 AZAN MAGHRIB
- 6.37 NATURE OF THINGS — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 CODE RED: "Revenge"
- 7.44 AZAN ISHA
- 7.48 CODE RED — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 WORLD AT WAR: "Final Solution" Pt 3
- 9.30 VEGAS: "Heist"
- 10.20 MOVIE: "The Girl In The Office"
- 11.50 SIARAN TAMAT.



Sandiwaras radio :

TERKENA GUNA-GUNA

"Anak dah sa-lusin. Chuchu keliling pinggang... Mak Munah tu masah tak sedar diri...". Ini-lah sedutan dialog Razak kepada Mansor, dua orang watak yang menghidupkan Sandiwaras Radio Minggu Ini yang berjudol TERKENA GUNA-GUNA rekaan Nayan Muhammad Brunei.

Mak Munah yang di-maksudkan dalam petekan diatas sangat terkenal dengan hati muda dan ilmu guna2-nya yang jahat dan di-takuti itu. Sa-telah gagal mengenalkan Mansor, kini Mak Munah berhasrat pula untuk menjerat Dollah.

Perkara ini sungguh merisaukan teman2 sa-kampong Dollah apa-tah lagi Mahmud anak-nya sendiri. Perangai Dollah yang suka berulang-

alek ka-tempat Mak Munah itu sudah chukop untuk meyakinkan mereka yang Dollah memang benar2 sudah terkena.

Walau bagaimana pun kenyataan itu tetap di-nafikan oleh Dollah sendiri. Bagi-nya, ia tetap seperti biasa. Kerana itu-lah segala usaha Mahmud untuk menyembuhkan-nya tidak mendatangkan hasil apa2.

Apa-kah yang akan terjadi sa-lanjut-nya kepada Dollah yang di-katakan telah terkena ilmu guna2 Mak Munah itu? Apa-kah kesudahan yang akan kita dapati dari Sandiwaras ini? Untuk kepastian-nya kami persilakan para pendengar untuk mengikuti lanjut-an-nya yang akan dapat di-ikuti siaran-nya pada 29hb. Ogos, 1982 jam 10.30 pagi.

Ranchangan ini di-terbitkan oleh Mohd. Ali Majid.

Radio minggu ini:

MENGIRINGI JEMAAH2 HAJI

ZULKA'EDAH menjelma dan Zulhijjah akan menjelang. Itulah tanda-nya musim haji sudah tiba. Zulhijjah bulan haji dan pada sa-tiap tahun apabila sampai ketika-nya umat Islam akan datang dari sa-genap penjuru alam, menyahut seru-an Ilahi berkunjong ka-tanah suci, menziarahi Masjidil-Haram di-Mekah — naik haji ka-Baitullah.

Bagi umat Islam di-negeri ini pada tanggal 24hb, 25hb dan 26hb Ogos, dan pada 1hb September, 1982 telah di-tetapkan bagi saat2 keberangkatan mereka, bagi menunaikan rukun Islam yang kelima. Mereka akan di-iringkan dengan do'a dan restu oleh ribuan sanak saudara dan kaum keluarga membanjiri lapangan terbang antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar ka-tanah suci, Mekah — Makatul-Mukaramah.

Dalam kesibokan kaum keluarga bakal2 haji menghantar dan melambai-lambai tangan mereka tanda selamat jalan itu, Radio juga akan turut bersama-sama mengiringi mereka, bukan bertujuan untuk 'menguyong' orang ramai yang sedang berpusu2 di-lapangan terbang itu nanti, tetapi ada-lah untuk menyempurnakan tugas-nya sa-bagai media-mass, penyebar segala penerangan, sa-bagai penyampai segala pengumuman, sa-bagai pemberita demi keselamatan dan bertugas sa-bagai penyambung segala pemberi-

tahuan dalam perubahan jadual2 penerbangan. Radio bukan saja akan berkhidmat di-saat keberangkatan jemaah2 haji kita, malah juga akan menyumbangkan bakti-nya di-saat2 kepulangan mereka ka-tanah ayer kelak. Bila suara2 Radio me-mechah udara, dapat-lah sanak saudara dan kaum keluarga melaksanakan ranchangan2 sambutan mereka sa-bagai yang telah teradat dalam masyarakat kita dalam menyambut kepulangan jemaah2 haji kita.

Di-sebabkan dua dari lima penerbangan yang di-jadualkan itu akan di-lakukan di-sebelah suboh, maka pada musim haji tahun ini, Radio akan turut mengiringi jemaah2 haji kita dengan mengadakan 15 jam masa tambahan siaran-nya, ia-itu bermula dari jam 10.30 malam — 23hb Ogos, 1982 sa-hingga 6.00 pagi pada 24hb. Ogos, dan dari malam 24hb. Ogos membawa ka-waktu suboh pada 25hb. Ogos, 1982, yang menjadikan perkhidmatan siaran Radio Brunei Bahagian Melayu, meneruskan perkhidmatan-nya terus-menerus sa-lama 24 jam, dalam dua hari berturut-turut pada tarikh2 yang di-sebutkan. Bagi penerbangan2 di-sebelah siang hari, Radio juga telah menyusun ranchangan2 dan mengatorkan pegawai2-nya bagi menyumbangkan khidmat-nya untuk menyampaikan ulasan2 selari sa-chara langsung. Begitu ulasan Radio yang mengiringi sa-waktu mereka pergi,

begitu-lah juga radio mengalut2kan dan menyambut saat-nya kembali nanti.

Berbahagia-lah orang2 yang menerima lambaian ka-tanah suci, kerana mereka-lah orang2 yang her-untung dapat menunaikan ibadat haji. Kepada umat Islam yang belum dapat 'lambaian' ini, tunggu-lah lambaian ka-tanah suci, Insha Allah neschaya tuan akan terlambai jua nanti. Kepada yang sudah menerima lambaian tahun ini, jangan lupa 'Lambai-lambai-lah' kami, dan kepergian saudara saudari hari ini kami iringkan dengan ucapan dari hati ka-hati: Selamat mengunjongi tanah suci. Selamat menziarahi Baitullah. Selamat Ukok di-Padang Arafah. Selamat bermalam di-Mina dan Mudzafifah. Selamat melontar tiga Jumrah. Selamat berziarah ka-Madinatul-Munawarah. Selamat menziarahi Makam Rasulullah. Selamat melakukan tawaf di-Ka'abah. Selamat menguchup-chium Hajral Aswad. Selamat naik Ka-Jabal Qubis dan Jabal Nur. Selamat sampai ka-Wadi Fatimah. Selamat menikmati Kurma Madinah. Selamat minum ayer zam-zam di-Kota Mekah. Selamat melihat unta dan kibas dan selamat melihat achang beribu.

Selamat-lah saudara saudari pergi menunaikan Ibadat Haji pada tahun ini, dan selamat kembali ka-tanah ayer dengan memperolehi HAJI YANG MABRUR — AMIN.

Resepi minggu ini:

SAMOLINA PEANUT

Bahan2-nya :—

- 2 biji merah telur
- 5 ozs custer sugar
- 3 ozs cornflour
- 6 sudu paras samolina di-goreng sedikit2
- 1 chamcha vanilla
- 7 ozs tepong self-raising
- 4 ozs mentega
- 2 ozs spry
- 1 chawan kacang tanah di-goreng tak berminyak kemudian di-tumbok kasar.

Peratoran-nya :—

Mentega, gula, telur, spry, kacang tanah, vanilla di-banchoh kembang2. Masukkan tepong cornflour, samolina dan tepong self raising, uli rata2. Di-gulung di-kertas, perap di-peti sejok sa-lama 16 jam. Keluarkan dan uli dengan sedikit self-flour, di-bentok bulat2 golek2kan di-atas kelapa, tabor kacang goreng atas-nya lalu bakar.

RANCHANGAN TVP DARI 30HB OGOS — 5HB SEPT.

ISNIN — 30HB OGOS

PAGI

- 8.50 LOOK, LISTEN AND SPEAK 20 (Colours)
Dalam ranchangan minggu ini murid2 pula akan di-ajar mengenali nama2 warna di-samping dapat belajar beberapa perkataan yang bermula dengan huruf 't'. Di-Owl's hut, Izat dan J.J. telah mendengar sa-buah cerita dari Owl.

- 9.20 SAINS UNTUK DARJAH 6 (Letrik 1)

Dalam kehidupan kita sa-hari2, kita banyak menggunakan alat2 perkakas yang memerlukan tenaga letrik. Tenaga letrik dapat kita bahagikan kepada dua bahagian :

1. Tenaga letrik statik dan
 2. Tenaga letrik arus
- Dalam ranchangan ini, murid2 akan belajar berkenaan dengan tenaga letrik statik.
- 10.30 KAP KAP UDANG 683.
Ranchangan hari ini di-muati dengan aktiviti2 seperti MAIN KUDA, PA' LONG, LIHAT DAN PERHATI, MAIN BAKUL, MENGATOR GAMBAR dan CHERMIN SAKTI.

PETANG

- 4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 683.

SELASA — 31HB OGOS

PAGI

- 8.50 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK 20 (Colours)

- 9.20 SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 6 (Letrik)
- 10.30 KAP KAP UDANG 684.

Dalam ranchangan hari ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 seperti BERSENAH, GAMBAR DARI RUMAH, KATA SI-MANIS, BELON SI-MANIS, BERCHE- RITA dan CHERMIN SAKTI. Tajuk cerita Che'gu Rokiah hari ini ia-lah SI-BELANG.

PETANG

- 4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 684.

RABU — 1HB SEPTEMBER

PAGI

- 8.50 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK 20 (Colours)
- 9.20 SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 6 (Letrik)
- 10.30 KAP KAP UDANG 685.
Ranchangan hari ini di-muati dengan aktiviti2 seperti MAIN MUZIK, TUNJOK BENDA, SI-MANIS, BOLA TUMBOK, HALAMAN MENYANYI dan CHERMIN SAKTI.

PETANG

- 4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 685.

KHAMIS — 2HB SEPTEMBER

PAGI

- 10.30 KAP KAP UDANG 686.
Ranchangan hari ini di-muati dengan aktiviti2 seperti IKUT KETUA,

YANG MANA GANJIL, SI-AMIN, MAIN KERUSI, HALAMAN MENYANYI dan CHERMIN SAKTI.

PETANG

- 4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 686.

JUMAAT — 3HB SEPTEMBER

PETANG

- 4.30 KAP KAP UDANG
Ranchangan hari ini di-muati dengan aktiviti2 seperti MAIN MUZIK, DI-MANA TEMPAT-nya, HALAMAN BELAJAR, BOLA TUMBOK, BERCHE- RITA dan CHERMIN SAKTI.

SABTU — 4HB SEPTEMBER

PAGI

- 10.30 KAP KAP UDANG 687.
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 seperti BELON SI-MANIS, DI-MANA TEMPAT-nya, BERSENAH, PETI SURAT, MAIN BANG dan CHERMIN SAKTI.

PETANG

- 4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 687.

AHAD — 5HB SEPTEMBER

PAGI

- 4.30 KAP KAP UDANG
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 seperti BERSENAH, YANG MANA GANJIL, KATA SI-MANIS, MAIN BAKUL, SIRI PERMULAAN dan CHERMIN SAKTI.

GAMBAR2 PERARAKAN TANGLONG, KERETA DAN BASIKAL BERHIAS

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri telah berangkat berchemarduli menyaksikan perarakan tanglong berjalan kaki, kereta dan basikal berhias serta pakaian beragam di-ibu negeri pada malam Isnin 16hb Ogos lepas.

Turut berangkat menyaksikan ia-lah putera

dan puteri2 Baginda, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir, TYT Pesuruhjaya Tinggi British, YTB Penasehat Umom Kebawah DYMM, YAB Pemangku Menteri Besar, YB Pemangku Setiausaha Kerajaan, Kerabat2 Diraja, YAM Pengiran2 Cheteria dan jemputan2 khas.

Perarakan pada malam itu telah di-dahului oleh Pasokan Pancharagam Pulis Diraja yang di-susuli oleh lebeh 52 buah pasokan

kan tanglong berjalan kaki yang di-ambil bahagian oleh maktab2 dan sekolah2 menengah, kampung2, jabatan2 kerajaan, badan2 perniagaan dan kebajikan serta persatuan2 belia. Manakala enam buah basikal dan 15 buah kereta berhias turut serta bertanding di-perarakan itu.

Orang ramai di-ibu negeri serta dari daerah2 lain telah membanjiri jalan yang di-lalui oleh perarak-

an tersebut yang bermula dari padang Ong Sum Ping dan melalui jalan2 Jawatan Dalam, Kebangsaan, Tasik Lama, Bendahara, dan bergerak lalu di-hadapan Pentas Diraja.

Sa-panjang perarakan tersebut bermula pertunjukan bunga api telah dimainkan dan pancharannya di-selang-selikan dengan alunan lagu2 dari pancharagam AMDB dan tarian singa dari Dewan Perniagaan Tiong Hwa.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan orang puteri2 Baginda ketika berchemarduli menyaksikan perarakan



KEPALA perarakan yang di-usong ini ada-lah dari persembahan pasokan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan.




SAMBIL perarakan2 tanglong berjalan lalu, permainan bunga api memecah kepekatan angkasa menerangi kegelapan ibu negeri.



TIDAK ketinggalan juga ia-lah persembahan tarian Kipas dari wanita2 masharakat Korea di-Brunei di-hadapan pentas Diraja yang di-lalui oleh perarakan tersebut.



PASOKAN berniform dari Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dan gambar wajah Kebawah Duli Yang Maha Mulia ini mendapat tepuk bagi pasokan2 jabatan kerajaan dan gudang2.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia ketika membalas tabek dari pegawai pasokan (kiri) sa-telah Baginda selesai memeriksa perbarisan yang terdiri dari anggota Pasokan AMDB di-istiadat tersebut.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia ketika memeriksa perbarisan yang terdiri dari pasukan pengakap daerah tersebut yang mengambil bahagian di-istiadat perbarisan itu.

ISTIADAT PERBARISAN DAN MENGADAP DI-TEMBURONG

Liputan: Mohaimin Hj Mohammad.

BANGAR. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah berangkat berchemarduli ka-Daerah Temburong sempena merayakan keputeraan Baginda yang ke-36 tahun pada hari Khamis, 19hb. Ogos lepas.

Upacara tersebut bermula dengan perbarisan kehormatan yang terdiri dari Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, Pasokan Kadet Askar Melayu Diraja, Pasokan Kadet Pulis Diraja dan Pasokan Pergerakan Pengakap yang telah berlangsung di-Padang Sekolah Menengah Melayu Sultan Hassan Bangar.

Pegawai Pemerintah Perbarisan, Major Haji Mahmud bin Haji Ya'akob menjunjung Baginda untuk memeriksa perbarisan dan ini diikuti kemudian oleh tembakan meriam sebanyak 21 das dan tembakan senapang sa-bagai tanda gembira serta tiga kali 'Daulat Tuan Patek'.

Berangkat sama ia-lah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah.

Turut hadir ia-lah Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British Awg Arthur Watson, Yang Teramat Berhormat Penasihat Umom Baginda Sultan, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji

Isa, Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz, Yang Berhormat Pemangku Setiausaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman, Pengiran2 Cheteria, Ahli2 Yang Berhormat, Pehin2 Menteri, Menteri2 Penda-laman, Ketua2 Jabatan dan Pegawai2 kanan Kerajaan.

Terdahulu dari itu ketibaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan telah di-sambut oleh beratus2 orang murid2 sekolah yang berdiri di-sepanjang jalan menuju

pentas Diraja sambil mengibarkan bendera Negeri Brunei dan ini di-iringi dengan ucapan 'Dergahayu Duli Tuan Patek'.

Sa-telah selesai Upacara Perbarisan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berangkat ka-Dewan Kemasharakatan Bangar bagi Istiadat Mengadap dan Istiadat Mengornia-kan Bintang2 Kebesaran Negeri Brunei.

Di-Istiadat tersebut Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Zakaria bin Haji Jeneh, selaku wakil Pegawai2 Kerajaan, raayat dan penduduk2 Daerah Temburong telah menyembahkan ucapan keshukoran ka-hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Baginda juga mengornia-kan Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahgia Darjah Ketiga—SNB kepada Awang Mohd Said bin Zakaria.



KELIHATAN Baginda Yang Dipertuan di-junjung ziarah dan bersalaman dengan para jemputan sa-belum Baginda berangkat meninggalkan Pekan Bangar.



YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah juga di-junjung ziarah dan bersalaman dengan para jemputan di-saat keberangkatan pulang.



Wakil2 dari Brunei dan peserta2 dari negara2 lain dalam Persidangan Pengakap Antarabangsa (atas).

Gambar bawah pula ia-lah wakil Brunei ka-Jambori Pengakap Antarabangsa, yang di-adakan di-Dukunde Mount Dukyu di-Korea.



PENGAKAP PULANG DARI HADHIRI JAMBORI DI-KOREA

BANDAR SERI BEGAWAN. — 18 orang pengakap dan Ketua2 Pengakap Brunei dalam satu rombongan yang diketuai oleh Awang Haji Mahmud Shahrani bin Othman, telah kembali ke tanah ayer baru2 ini setelah menghadiri satu Persidangan Pengakap Antarabangsa dan Jambori Pengakap di-Seoul, Korea.

Persidangan Pengakap Antarabangsa yang berlangsung sa-lama lima hari itu bermula awal bulan ini di-Bilek Persidangan Seoul Garden, Korea. Persidangan tersebut telah di-hadiri oleh 13 buah negara di-Asia Pasifik.

Dalam persidangan itu Brunei telah di-wakili oleh Awang Haji Mahmud Shahrani bin Othman, Awang Haji Mohd, Hassan bin Haji Awang Timbang dan Awang Zainal Abidin bin Haji Ibrahim.

Sementara itu, Jambori Pengakap telah di-adakan sa-lama sa-minggu bermula pada 4hb. Ogos, di-Dukunde Mount Dukyu ia-itu kira2 500 kilometer dari Bandar Seoul. Jambori Antarabangsa itu telah di-hadiri oleh 21 buah negara Asia Pasifik.

Sa-belum pulang ka-Brunei, rombongan tersebut juga telah berkesempatan mengadakan lawatan ka-beberapa buah tempat yang bersejarah di-Taipei. Ini termasuklah kunjungan ka-Martyrs' Shrine, National Palace



Museum, Persatuan Filem China, Pusat Kegiatan Pengakap di-China, Pusat Pertukangan Tangan Taiwan, Dewan Peringatan Chang Kai Shiek, Dewan Peringatan Sun Yet Sen dan lawatan ka-Pertubuhan Belia China di-mana mereka telah mendengar taklimat mengenai kegiatan belia2 di-Taiwan.

Pada 14hb. Ogos, rombongan dari Brunei itu telah mengadakan lawatan ka-Kementerian Hal-Ehwal Luar di-mana taklimat telah di-berikan oleh Pengarah Hal Ehwal Luar Bahagian Asia Tenggara dan Kawasan Pasifik, Lin Tsung Hsien, di-Pejabat Kementerian itu.

Rombongan Brunei telah kembali ka-tanah ayer pada pertengahan bulan ini.

SISB johan hoki sa-negeri

SERIA. — Sekolah Inggeris Sufri Bolkiyah, Tutong telah munchol sa-bagai johan sa-negeri dalam perlawanan akhir hoki bagi Sekolah2 Menengah Bawah bahagian lelaki 'A'.

Dalam perlawanan itu, Sekolah Inggeris Sufri Bolkiyah mengalahkan Maktab Anthony Abell, Seria dengan tujuh gol tidak berbalas.

Perlawanan yang di-anjarkan oleh Jabatan Pelajaran itu di-langsungkan di-padang Maktab Anthony Abell Seria pada 17hb Ogos yang lalu.

Hadiah2 telah di-sampaikan

oleh Pengetua Sekolah Inggeris Perdana Wazir.

Dalam perlawanan Bahagian Lelaki 'B', Sekolah Menengah Melayu Sultan Hassan, Bangar telah mengalahkan Sekolah Menengah Melayu SMJA dengan satu gol tidak berbalas. Dengan kemenangan itu, Sekolah Menengah Melayu Sultan Hassan telah menjadi johan sa-negeri dalam bahagian tersebut.

Perlawanan tersebut di-adakan di-Padang SMJA pada hari yang sama. Hadiah telah di-sampaikan oleh Pemangku Pengetua Sekolah Menengah Melayu SMJA Awang Lim Jock Hoi.

JKR anjor bola-sepak 7 sa-pasokan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Badan Kebajikan Belia dan Sokan Jabatan Kerja Raya akan menganjorkan bolasepak 7 orang sa-pasokan yang terbuka kapada Jabatan2 Kerajaan di-Daerah Brunei Muara.

Perlawanan akan di-adakan di-Komplek Sokan JKR Jalan Berakas pada hari Ahad, 19hb September depan. Sa-tiap jabatan boleh menghantar tidak lebih dari empat pasokan. Sementara bayaran bagi memasuki perlawanan ia-lah \$30.00 tiap2 satu pasokan.

Borang2 penyertaan boleh di-dapati dari Hj. Sulaiman bin Puteh, Awg. Jahri bin Bakar, Awg. Yusoff bin Sahari, Awg. Aji bin Matali dan Awg. Hussin bin Damit, di-Jabatan Kerja Raya. Borang2 tersebut hendaklah di-kembalikan tidak lewat pada 31hb. Ogos.

Lebih 100 kanak2 sertai Peraduan Kanak2 Sehat

TUTONG. — Sa-ramai 110 orang kanak2 yang berumur di-antara empat bulan hingga dua tahun telah mengambil bahagian dalam Peraduan Kanak2 Sehat. Ini ada-lah bilangan yang paling ramai menyertai peraduan tersebut.

Pengerusi Peraduan, Dayang Maisalamah bte Mohd. Daud mensifatkan pertambahan bilangan kanak2 yang mengambil bahagian di-daerah itu sa-bagai pertanda sambutan baik para ibubapa terhadap usaha pehak penganjor di-dalam memberikan kesedaran penting-nya kesihatan anak2 damit.

Kesedaran ibubapa dalam hal ini, tambah-nya ada-lah di-sanjong tinggi di-mana kesedaran sa-demikian akan melahirkan satu jenerasi yang sehat, waras dan bertanggung-jawab yang saterus-nya akan mengwujudkan sa-buah negara yang aman, makmor dan bahagia.

Peraduan kali ke-enam itu anjoran Pertubuhan Perkumpulan Perempuan W.I. Brunei Chawangan Daerah Tutong, sa-bagai salah satu dari acara sam-

Oleh: Aisah Piee

butan Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan ke-36 tahun bagi daerah itu. Peraduan tersebut di-adakan di-dewan Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim Tutong pada hari Jumaat, 20hb Ogos yang lalu.

Peraduan tersebut di-bahagikan kepada empat kumpulan, ia-itu Kumpulan A bagi kanak2 yang berumur di-antara empat hingga lapan bulan, Kumpulan B bagi yang berumur antara lapan hingga 12 bulan, Kumpulan C bagi kanak2 yang berumur antara 12 hingga 18 bulan dan Kumpulan D bagi mereka yang berumur antara 18 hingga 24 bulan.

Johan bagi Kumpulan A ia-lah Mimi Suzianty bte Mahali, kedua Amirul Hafiz bin Hassan dan ketiga Mohd. Raimes bin Rosli. Sementara, memenangi hadiah pertama dalam Kumpulan B ia-lah Zakiah bte Ghafar, kedua Abu Nazim bin Abu Bakar dan menduduki tempat ketiga pula ia-lah Siti Hurizah bte Abu Bakar.

Dalam Kumpulan C, johan ia-lah Mohd. Yusri bin Ali, kedua Siti Zurairah bte Husain dan ketiga ia-lah Raziah bte Hanif, manakala Norhafizan bte Shari memenangi tempat pertama dalam kumpulan D, naib-johan ia-lah Khairul Hakim bin Othman sementara menduduki tempat ketiga, Sharzaliza bte Mohd. Sazkir.

Pemenang2 pertama dalam keempat2 kumpulan telah menerima hadiah wang tunai sabanyak \$50.00, sumbangan dari Chartered Bank Brunei, sementara hadiah2 juga telah di-berikan kepada semua kanak2 yang mengambil bahagian.

Hadiah2 kepada pemenang2 telah di-sampaikan oleh Isteri Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Dayang Ainah bte Abdullah. Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohd. Hassan bin Haji Mohd. Yusof, Pengerusi Pertubuhan Perkumpulan Perempuan Brunei, Dayang Hajjah Marhani bte Abd. Latif, ibubapa2 dan ahli2 pertubuhan ada-lah di-antara yang hadir di-majlis tersebut.



Penghakiman bagi kanak2 dalam kumpulan 'D' sedang di-jalankan (gambar atas). Dayang Ainah menyampaikan hadiah kepada pemenang dalam kumpulan 'B' (bawah kiri) dan pemenang dalam kumpulan 'D'.





Puteri Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta dua orang lain.



PASOKAN tanglong dari Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri dengan kepala perarakan mereka berbentuk sa-karangan bunga merupakan salah sa-buah pasokan yang menyertai perarakan itu.



Salah satu float dalam perarakan malam itu dengan pancharan-nya yang berkilauan berwarna-warni dan



SALAH sa-buah basikal berhias yang menyertai perarakan pada malam itu.



Kepala perarakan mereka berbentuk pertama dalam perarakan tersebut



SALAH sa-buah pasokan pancharagam sekolah yang turut menyertai perarakan tersebut berjalan sambil memainkan lagu2 persembahan mereka.

ranchangan2 RADIO

WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam sa-tiap hari.

SIARAN F. M. STEREO

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

GELOMBANG SEDERHANA

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

TIAP2 HARI:

PAGI:

6.00-6.02 Allah Peliharakan Sultan
6.05 Sinaran Wahyu
6.15 Dendang Suria
6.45 Berita
6.50 Dendang Suria

TENGAHARI

12.00-12.45 Sajian Tengah Hari (Mempersembahkan lagu stereo)
1.00 Majallah Radio siaran asal dan ulangan (kechuali hari Khamis)

PETANG

6.00 Siri Mukkaddam
Bingkisan Hari Ini
Siaran langsung menunaikan sembahyang Fardhu Maghrib.

MALAM

10.15 Bachaan Al-Kor'an
10.24 Do'a Restu
10.29 Allah Peliharakan Sultan

WARTA BERITA:

6.45 pagi (Berita2 dalam dan luar negeri)
10.00 pagi
12.45 tengahari
1.30 tengahari (tiap-tiap hari Jumaat)
3.00 petang
5.30 petang
8.00 malam
8.15 malam (Berita2 dalam Bahasa Dusun dan Iban)
9.30 malam Berita Dunia dari BBC London.

Menyiarkan AZAN:

Dzohor
Asar
Maghrib
Isha.

HARI RABU

PAGI: 7.30—Sudut Pelita, 8.30—Taman Mekar (SU), 9.00—Permintaan Pagi Rabu, 10.15—Rampaijan Joget, 10.30—Rimba Raya, 10.45—Riang Ria, 11.00—Dendang J. Mizan, 11.30—Autograph Pendengar. T/HARI: 1.30—Hiboran. PETANG: 2.00—Dunia Wanita (SU), 2.30—Hiboran, 3.15—Hiboran Petang, 3.30—Gazal (SU), 4.00—Tinjauan, 4.15—Senandung Budaya, 4.30—Bangsawan Di-Udara (Yatim Mustapha), 5.00—Serbanika Hiboran, 6.15—Bingkisan Hari Ini, 6.25—Senandung Senja. MALAM: 7.00—Rangkaian Lama dan Baru, 8.30—Permintaan Sukaramai, 9.00—Belia Mewakili Zaman-nya, 9.45—Kenangan Mengusik Jiwa.

HARI KHAMIS

PAGI: 8.30—Hiboran Untuk Adek-Adek (SU), 9.00—Dendang Antarabangsa, 9.30—Laporan Siaran Langsung Pemergian Jema'ah2 Haji Brunei, 10.15—Penglipor Lara, 10.30—Rampaijan London, 10.45—Anika Lagu, 11.00—Permintaan Sukaramai. T/HARI: 1.30—Chitra Wara (SU). PETANG: 2.00—Puspasari, 2.30—Tetamu Radio (SU), 3.15—Hiboran Petang, 3.30—Rimba Raya (SU), 3.50—Instrumental Inggeris (Sentimental), 4.00—Sandiwara Radio (SU), 4.30—Soal Jawab Agama, 5.00—Lagu2 Berirama Gambus, 6.15—Irama Dakwah, 6.25—Bingkisan Hari Ini. MALAM: 7.00—Bachaan Surah Yassin, 7.15—Lagu2 Asli, 8.30—Bimbingan Al-Kor'an, 9.00—Tafsir Al-Kor'an, 9.45—Hidayat.

HARI JUMAAT

PAGI: 8.30—Majallah Radio (SU), 9.00—Suara Gambus, 9.30—Tafsir Al-Koran, 10.15—Soalan Di-Udara, 10.30—Uji-lah Bahasa Kita, 11.00—Lagu2 Asli, Zapi dan Gazal, 11.30—Bimbingan Al-Koran (SU). T/HARI: 12.00—Lagu2 Dakwah, 12.15—Bachaan Al-Koran, 12.30—Siaran Langsung Menunaikan Sembahyang Jumaat, 1.15—Lagu2 Nashid, 1.45—Lagu2 Padang Pasir. PETANG: 2.00—Lukisan Masharakat, 2.30—Gema Keronchong, 3.15—Panduan Sokan, 3.20—Apa Pendapat Awda, 3.30—Pelajaran Dewasa Di-Udara, 4.00—Surat dari London, 4.15—Hiboran, 4.30—Permintaan Jiran Tetangga, 5.00—Suntingan Khutbah Jumaat, 5.15—Sayu dan Merdu, 6.15—Lagu2 Dakwah, 6.25—Bingkisan Hari Ini. MALAM: 7.00—Cherpen dan Salokan, 8.30—Bahas / Kuiz, 9.00—Majallah Ugama (SU), 9.45—Mari Berpantun (SU).

HARI SABTU

PAGI: 8.30—Pelajaran Dewasa Di-udara, (SU), 9.00—Riang Ria, 9.15—Soalan Di-Udara (SU), 9.30—Pilihan Pendengar, 10.15—Varia Peristiwa (SU), 10.30—Rampaisari, 11.30—Hiboran Untuk Adek2. T/HARI: 1.30—Lagu2 Dari Film, 1.45—Selingkar Madah. PETANG: 2.00—Permintaan Hujung Minggu, 3.15—Apa Pendapat Awda (SU), 3.30—Cherpen dan Solakan (SU), 4.00—Mutia Asli (SU), 4.30—Fukas Radio, 5.00—Rangkaian Lama dan Baru, 5.45—Senandung Senja, 6.15—Lagu2 Asli, 6.25—Bingkisan Hari

Ini. MALAM: 7.00—Titian Budaya (SU), 7.15—Selingan Irama, 7.30—Majallah Radio, 8.30—Hiboran (SU), 9.00—Bangsawan Di-Udara (SU), 9.45—Uji-lah Bahasa Kita (SU).

HARI AHAD

PAGI: 8.30—Majallah Radio, 9.00—Taman Mekar, 9.30—Suara Kugiran, 10.15—Titian Budaya, 10.30—Sandiwara Radio, 11.00—Mutia Asli, 11.30—Dunia Wanita. T/HARI: 12.00—Tahniah dan Uchap Selamat, 12.32—Hiboran Untuk Awda, 1.00—Pertandingan Aslirama Peringkat Suku Akhir. PETANG: 2.00—Bahas/Kuiz Sekolah2, 2.30—Hiboran, 3.10—Panduan Sokan, 3.20—Irama Gembira, 3.30—Majallah Sokan, 4.00—Chitra Wara, 4.30—Tetamu Radio, 5.00—Hiboran, 6.15—Irama Dakwah, 6.25—Bingkisan Hari Ini. MALAM: 7.00—Hiboran Ria, 8.30—Suara Parajurit, 9.00—Puspasari (SU), 9.45—Di-Buang Sayang (Permintaan Lagu2 Lama dan Baru).

HARI ISNIN

PAGI: 8.30—Serbanika Hiboran, 9.00—Dendang Antarabangsa, 9.30—Pilihan Pendengar, 10.15—Berdendang Dengan-Ku, 10.30—Sains dan Perusahaan, 11.00—Permintaan Sukaramai. T/HARI: 1.30—Hiboran. PETANG: 2.00—Kenangan Mengusik Jiwa (SU), 2.30—Hiboran, 3.15—Rampaijan Joget, 3.30—Mari Berpantun (SU), 4.00—Dendang Remaja, 4.30—Ruangan Ketani, 5.00—Pilihan Juruhebah, 6.15—Senandung Senja, 6.25—Bingkisan Hari Ini. MALAM: 7.00—Senan-

dong Ria, 7.30—Majallah Radio, 8.30—Ku Tujukan Lagu, 9.45—Langgam Suara.

HARI SELASA

PAGI: 8.30—Suara Parajurit (SU), 9.00—Dendang Antarabangsa, 9.30—Permintaan Kaum Wanita, 10.15—Lagu2 Berirama Hindustan, 10.30—Rampaijan London, 10.45—Lagu2 Hiboran, 11.00—Autograph Pendengar

SIARAN LANGSUNG UTK JEMAAH2 HAJI

HARI ISNIN 23HB OGOS, 1982

MALAM
10.15 — Ngah Haji
11.15 — Persembahan Keronchong
T/MALAM
12.00 — Salam Jemaah2 Haji.

HARI SELASA 24HB OGOS, 1982

PAGI
2.00 — Senandung Pagi
3.00 — Kuliah Suboh
3.30 — Laporan Siaran Langsung Keberangkatan Jemaah2 Haji dari Lapangan Terbang Antarabangsa — Berakas.
4.57 — Azan Suboh
— Laporan Siaran Langsung — Bachaan Al-Kor'an
5.45 — Selingan Lagu2 Dakwah.

HARI SELASA 24HB OGOS, 1982

MALAM
10.15 — Panggilan Ka'abah
10.45 — Lagu2 Nashid, Keronchong dan Asli.
— Pengumuman
T/MALAM
12.00 — Salam Jemaah2 Haji
— Pengumuman dan Penerangan2.

HARI RABU 25HB OGOS, 1982

PAGI
2.00 — Senandung Pagi
— Pengumuman
3.00 — Kuliah Suboh
3.30 — Laporan Siaran Langsung dan Temuramah Keberangkatan Jemaah2 Haji dari Lapangan Terbang Antarabangsa — Berakas.
4.57 — Azan Suboh
— Laporan Siaran Langsung
5.45 — Selingan Lagu2 Dakwah.

RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

EVENING

Wednesday

MEI LING'S MUSIC NIGHT
8.00 Easy listening music
8.45 Light orchestral music
9.30 Classical Music.

Thursday

P.M.
8.00 Hello Tomorrow

Daily

A.M.
7.00 BBC and Local News
7.15 Musical Hour
8.15 Radio Newsreel
11.00 Ladies At Eleven — except Fridays and Sundays.
12.00 Lunch Break until 1.30 — except Fridays and Sundays

HOLIDAYS — Friday

A.M.
11.00 Battle of Words: SOASC vs. STPRI (repeat)
11.30 Children's Half Hour

8.45 Stereo Pop Special 'The Motels' Side 2

9.30 Country Club — 3

Saturday

P.M.
8.00 Melody Time
8.45 Animal, Vegetable or Mineral (repeat)
9.30 Top Of The Pops.

Monday

8.00 This Is My Song (repeat)

12.00 Soundtrack of The Sixties
12.45 My Music
1.15 15-Minute Theatre: "To Put It Frankly" by John Arden.
8.00 The World of Books
8.45 International Money Programme
9.00 Strictly Instrumental
9.30 An Evening with Simon and Garfunkel

Sunday

A.M.
11.00 Practical World
11.15 This Is My Song
11.45 London This Week

8.45 Up The Belait Without A Paddle — with guest Geordie Lowerson — 63

9.30 All That Jazz — 12.

Tuesday

JA'AFAR'S POP MUSIC NIGHT

P.M.
8.00 Just For You
9.30 In Sentimental Mood

12.00 Animal, Vegetable or Mineral
12.45 Interlude for Music
1.00 Top of The Pops.

STUDENT NIGHT

P.M.
8.00 Battle of Words 1982 — St. Andrew's vs MPPSBS (Upper)
8.30 English Examined
8.45 Science Pop
9.30 Drama: The Detective by Robert Barr "Bedtime Story" (Part 2).

178 orang akan hadhiri Kursus Sivik

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 178 orang penuntut2 Brunei di-seberang laut yang kini sedang berchuti di-tanah ayer akan mengikuti Kursus Sivik. Kursus tersebut di-anjarkan oleh Bahagian Penerangan Jabatan Setiausaha Kerajaan, dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Ugama dan Jabatan Pelajaran.

Kursus sa-lama lima hari itu akan bermula pada hari Ahad 5hb September di-Pusat Belia di-sini.

Perasmian kursus sivik akan di-lakukan oleh Yang Berhormat Pemangku Setiausaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abd Rahman, sementara majlis penutup dan seterusnya penyampaian sijil2 oleh Pemangku Pengarah Pelajaran Awang Selamat bin Munap.

Semasa mengikuti kursus, penuntut2 tersebut akan mendengar beberapa ceramah yang akan disampaikan oleh pegawai2 kanan Kerajaan, antaranya ceramah undang2; "Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama di-antara Brunei dengan Great Britain". Penuntut2 tersebut juga akan di-bawa melawat ka-Radio Talivishen Brunei, Perkhemahan Bolikiah dan ka-Pusat Latehan Pulis Diraja Brunei, Jalan Muara.

Senarai nama2 penuntut Brunei di-seberang laut yang akan mengikuti kursus sivik Bahagian Penerangan, Jabatan Setiausaha Kerajaan yang akan bermula pada 5hb September dan berakhir pada 9hb September.

Mutiara bte Md. Jais @ Mordiah, Azizah Hamid, Abd. Rahman Ahmad, Dk. Fatimah bte Pengiran Haji Mawang, Abd. Malek Mohammad, Abd. Rahim bin Alias, Imbu Taris, Masrah bte Md. Daud, Rosni bte Md. Amin, Pakai Musing, Samsiah bte Sion, Md. Zin Ibrahim, Yaukub/Ahmad bin Haji Nasir, Melayu Anak Baring, Selangat Anak Jugri, Marali Matzin, Mohd. Yusof Sukaimi, Awang Sanif Osman, Mohd Yunus Bolhassan, Haji bin Jumat.

Masa Tudong, Salleh Abdullah/Dullah, Hasan Metusin, Ibrahim Haji Md. Noor, Ak. Ismail Pengiran Hassan (President BSU), Kitar Bakar Amat Haji Salleh, Jepet Anak Malang, Awg. Ahad Hassan, Naruddin Ahmad, Dyg Janneh Sukaimi, Jainab/Noorzainab Abd. Ladi, Siti Noraini Amai, Timong Musing, Ramlan Md. Daud, Mulok Jumat, Nairul Anuar bin Lahai, Haji Omar Hj. Mail, Ak. Abd. Wahab Pg. Hassan, Juntan Anak Omba, Liew Yong Kim, Md. Sanip Abas, Hasimah Tahiruddin, Rahman Jaafar, Rosnani Sahari, Luman Sitai, Bungas Asan, Daud Md. Tahir, Ak. Ali Hasim Pg. Yusof, Murah Mohd. Ramli, Mohd. Nizar Haji Hassan, Unus Is-

mail, Abdul Razak Abdul Jalil.

Ali Abd. Rahman, Majini Janai, Abd. Latif Abd. Rahman, Akop bin Apang, Mahadi Mohamad, Milami Ismail, Ahmad Hj. Tassim, Nordin Hj. Md. Jaafar, Kula bin Yassin, Awg. Dayang bin Kahar, Bungsu bin Dullah, Mat Yassin bin Masri, Abd. Latif Yusof, Junaidi Hj. Busani, Md. Zenuddin Sahari, Saifudin Bungsu, Aliakbar Abdullah, Md.Said Md. Ali, Tahir bin Omar, Niram bin Md Yassin, Lurin Libut, Abd. Manan bin Hj. Adnan, Md. Yahya Mahmud, Majid Sulaiman, Abd Hamid Abdullah, Latif Omar, Ibrahim bin Jaafar, Abd. Rahman bin Hj. Daud.

Awg. Omar bin Hji. Awg. Sirat, Abd. Rahim bin Haji Mohammad, Sarbini bin Husin, Abd. Rahim Hj. Timbang, Md Kaffi bin Ali, Japar bin Dullah, Abu Bakar bin Haji Ismail, Yusoff bin Jambol, Choo Kent Siong, Umi Kalthum bte Md Daud, Ak Hamzah Pg. Yusoff, Sardani Haji Yusof, Ismail bin Hj. Marusin, Adnan bin Hj. Bagol, Abdul Rahman bin Md. Said, Abd. Jalil bin Ibrahim, Omarali bin Mat Jair, Mahludin bin Abdullah, Asmad bin Hj. Ismail, Mohammad bin Hj. Salleh, Ali bin Timbang, Md. Yusof bin Tajaah, Kiffi bin Pgh Haji Osman.

Hassan bin Duraman, Masmi bin Md. Salleh, Moktar bin Judin, Rosli bin Sabli, Abdul Rahman Abu Bakar, Jaya bin Tuah, Ak. Sabri bin Pg. Sidek, Ak. Karim bin Pg. Metasan, Oldi binDawat Julaihi bin Hj. Kikil, Abd. Rahim bin Haji Matrais, Ak. Suhaili bin Pg. Hashim, Jamaluddin bin Bungsu, Safrin bin Hj. Abdul Wahid, Haji Nordin bin Haji Salim, Zain bin Abd Hamid, Abd. Rahim bin Taibip, Abd. Rahim bin Hj. Abdullah, Abu Bakar bin Ali Mustafa, Mat Seruddin bin Kambur, Chua Pheng Cheong, Jali bin Haji Nudin, Kassim bin Awang Damit.

Ranjit Singh, Awang Chin Lee Lee, Nawas Ukoi, Noraini bte Haji Abd Munap, Tan Lian Lian, Hasnah Ibrahim, Chew Kim Kee, Koo Geoh Leong, Malanis Chin Yuk Nyun, Koo Geoh Cheng, Haji Md Mahadi POKD Haji A. Rahman, Ak Yura Kesteria bin PSN Haji Md Yusof, Ahmad Jaafar, Mahani Haji Abdul Hamid, Sh Hafizah Syed Hussien, Ak Adanan Pg Badaruddin, Daud Duraman, Md Zakaria Haji Serudin, Dk Siti Jayuah Pg Othman, Barayan Anai, Janidi Jingan, Ahmad Zakaria Muhammad, Masinah Bolhassan, Harun Jubir, Ak Mohaidin Pg Badaruddin, Damit Md Arshad, Mohd Salleh Moshin, Abdul Wahab bin Haji Ahmad, Eusoff Agaki, Wan Ali Wan Ibrahim, Jumat Taha.

Ahmad Jukin, Faridah Abd Rahim, Hjh Hindun Dato P. Haji Nordin, Jaini Abdullah, Md Yusof Haji Mat Don, Lim Mai Lin Bo Lin, Pg Nooryashim Pg Muda Hashim, Matu-sof Sulaiman, Awang bin Kassim, Miss Yap Lye Tin, See Meng Cheng, Ak Omarali bin Pg Anak Hashim, Ak Sofri Pg Haji Besar, Ak Hassan-an Pg Johari, Dayang Noraini bte Haji Abu Bakar, Dayang Haidah bte Mohaidin, Dayang Mariah bte PDPD Haji Abd Rahim, Dayang Aminah bte O.K. Maharaja Lela Haji Md Yusoff dan Dayang Hassan bte Haji Omar.

PERTUNJOKAN PERTANIAN DI-DAERAH TUTONG

Oleh: MANAF H.A.R.

TUTONG. — Salah satu acara perayaan bagi memeriahkan lagi Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan pada tahun ini bagi Daerah Tutong ialah pertunjukan pertanian dan pameran bunga2 hidup termasuk orkid.

Pertunjukan tersebut akan di-adakan di-kawas-

an belakang bangunan pejabat2 Kerajaan Tutong pada hari Ahad, 29hb. Ogos depan yang mengambil tema 'Perkembangan Pertanian Memerlukan Penglibatan Tenaga Muda'.

Sa-orang juruchakap pertunjukan itu menjelaskan tema ini di-pileh sebagai galakan anak2 muda untuk mendampingi de-

ngan lebih serius lagi lapangan pertanian yang selama ini hanya di-pelopori oleh tenaga orang2 tua saja. Dalam pada itu katanya, memandangkan minat anak2 muda kita telah mula berchambah di-bidang ini terutama mereka yang mengikuti sekim 'peladang muda' maka tema ini ber-tepatan untuk di-ambil iktibar dan perhatian.

Pertunjukan ini di-jangka akan di-buka rasmi oleh Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohd. Hassan bin Haji Mohd. Yusof dan ia-nya terbuka untuk kunjungan orang ramai pada hari tersebut dari jam 10.30 pagi hingga 5.00 petang.

Antara hasil2 pertanian

yang akan di-pertunjukkan di-hari itu ialah padi, beras, jagong, buah2an, sayor2an, ubi2an, lada sulah, benih buah2an, ternakan serta anyaman dan masak-an.

Kapada mereka yang ingin mengambil bahagian boleh-lah menghantar barang2 mereka sa-belum pukul 7.00 pagi pada hari pertunjukan bagi sayor2an jenis daun dan masakan dan lain-nya hendak-lah sampai antara pukul 7.30 pagi hingga 6.00 petang pada hari Sabtu, 28hb. Ogos.

Maklumat dan keterangan lanjut pertunjukan ini boleh-lah di-ketahui dari pegawai2 pengembangan pertanian kampung atau berhubung terus ka- Jabatan Pertanian Tutong dan Birau.

DBP anjor Simposium Bahasa dan Sastera Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dewan Bahasa dan Pustaka akan mengadakan satu Simposium Bahasa dan Sastera Brunei, yang akan berlangsung sa-lama sa-hari pada 29hb September, 1982.

Simposium tersebut akan di-adakan di-Dewan Jubli Perak, Maktab Perguruan Sultan Hassanah Bolikiah Gadong, yang mana kira2 lebih 200 orang di-jangka akan mengambil bahagian.

Simposium itu bertujuan untuk mempertinggi dan memperkembangkan bahasa dan sastera di-Brunei, di-samping meletakkan kembali kedudukan Brunei dalam mendirkan peranan yang penting dalam perhubungan Bahasa dan Sastera Melayu di-Nusantara.

Simposium yang julong2 kali di-adakan ini juga bertujuan untuk menyatu-pa-dukkan peminat2, penchinta2 dan pejuang2 Sastera dan Bahasa Melayu di-Brunei bagi menchari satu resolusi di-pehak Kerajaan di-bidang Sastera dan Bahasa Melayu di-Brunei.

Empat kertas kerja akan di-bentangkan. Kertas kerja pertama yang bertajok "Peranan Dewan Bahasa dan Pustaka dalam bidang Bahasa dan Sastera Melayu Brunei" oleh Pengarah DBP Brunei, Pg. Badaruddin bin Pengiran Ghani. Sementara kertas kerja kedua bertajok "Perlembaga-

an Sastera Melayu di-Nusantara" oleh Prof. Datuk Ismail bin Hussain, Prof Kesusasteraan, Universiti Malaya. Kedua2 kertas kerja ini nanti akan di-sampaikan pada sa-belah pagi.

Di-sebelah petang, dua kertas kerja lagi akan di-bentangkan ia-itu "Peranan Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia Dalam Perkembangan Sastera Melayu" oleh Datuk Haji Hassan bin Ahmad, Ketua Pengarah DBP Malaysia, dan "Sumbangan dan Peranan Asterawani dalam Perkembangan Bahasa Sastera di-Brunei" oleh Awang Sumadi bin Sukaimi, Ketua I Asterawani.

Ketetapan harga barang keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang keperluan sa-hari yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebih sederhana rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa harga2 barang berikut di-bawah ini bermula dari minggu 25hb Ogos, 1982.

BANDAR SERI BEGAWAN

1. MINYAK MAKAN CHAP BUNGA — \$25.00 sa-tin boleh di-beli dari kedai2 berikut: —

Hong Guan Koon Kee
No. 10 Jalan McArthur.
Tee Seng
No. 8 Jalan McArthur.

2. PUSU KERING — \$8.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut: —

Chee Guan
No. 4 Jalan McArthur.

3. KACHANG KUDA — \$1.20 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut: —

Chee Guan
No. 4 Jalan McArthur.

4. BAWANG BESAR — \$0.90 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut: —

Sharikat Hj Abd Rahman
No. 94 Jalan Chevalier.

KUALA BELAIT

1. MINYAK MAKAN CHAP BUNGA — \$26.50 sa-tin boleh di-beli dari kedai2 berikut: —

Sharikat M. Haji
No. D2, Chinese Chambers of Commerce.

2. PUSU KERING — \$8.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut: —

Chop How Min
No. B Chinese Chambers of Commerce.

3. KACHANG KUDA — \$1.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut: —

Choo Seng
No. 20 Jalan Pretty.

4. BAWANG BESAR — \$1.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut: —

Chop How Min
No. B Chinese Chambers of Commerce.
Ng Ming Hong
No. E Chinese Chambers of Commerce.
Chop Yee Seng
No. 46 Jalan Pretty.

SERIA

1. MINYAK MAKAN CHAP BUNGA — \$25.00 sa-tin boleh di-beli dari kedai2 berikut: —

Chop Kim Huat
No. 53 Jalan Bunga Kuning.

2. PUSU KERING — \$8.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut: —

Hudson Company
No. 9 Jalan Sultan Omar Ali
Sim Fatt Hin
No. 74 Jalan Bunga Kenanga.
Yick Fatt
Lot No. 2660 Jalan Sultan Omar Ali.

3. KACHANG KUDA — \$1.60 sa-kati boleh beli dari kedai2 berikut: —

Chop Koh Seng Hang
No. 17 Jalan Sultan Omar Ali.
Sim Fatt Hin
No. 74 Jalan Bunga Kenanga.
Yick Fatt
Lot No. 2660 Jalan Sultan Omar Ali.

4. BAWANG BESAR — \$1.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut: —

Chop Kun Mee
No. 6 Jalan Sultan Omar Ali.
Hui Guan
No. 48B Jalan Bunga Kuning.
Soon Heng
No. 50B Jalan Bunga Kuning.

JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

SA-BAGAI GURU JURURAWAT KELINIK

